قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Huzaifah bin Yaman Radiallahuanhu bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Penabur fitnah tidak akan masuk syurga". (Riwayat Imam Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.37 | ZUHUR 12.21 | ASAR 3.28 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.36

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 105 | 1 SEPTEMBER 2025 / 1447 ربيع الأول 8 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
79 Tahun

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# KEHARMONIAN RAJA BERSAMA RAKYAT, CERMINKAN HUBUNGAN ERAT, PENUH MAKNA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (*Lihat muka 2 hingga 5*).**

# Perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Malaysia







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta kerajaan dan rakyat Malaysia bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-68.

## Berita Utama




**MEMAJUKAN pendidikan inklusif, saksama untuk semua**
Muka 12



**MELAHIRKAN pembimbing haji, umrah profesional, berpengetahuan tinggi**
Muka 17




**FORUM galakkan perbincangan isu kesihatan setiap peringkat**
Muka 20




RENCANA

**HOSPITAL RIPAS : 41 tahun menyediakan perkhidmatan terbaik untuk rakyat**
Muka 27

# Keharmonian raja bersama rakyat, cerminkan hubungan erat, penuh makna





**KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun (atas dan kanan).**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Shahwal Ibrahim Tajudin**

**BELAIT**, Sabtu, 30 Ogos. - Keharmonian dan keakraban yang wujud antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersama rakyat dan penduduk, jelas mencerminkan hubungan yang amat erat dan penuh makna.

Ia menjadi lambang kegemilangan serta kekuatan pemerintahan baginda yang sentiasa menaungi rakyat dengan kepimpinan yang bijaksana dan berwibawa.

>> Muka 3

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ISNIN | 8 | 4 . 46 | 4 . 56 | 6 . 14 | 6 . 37 | 12 . 21 | 3 . 28 | 6 . 27 | 7 . 36 |
| 2 | SELASA | 9 | 4 . 46 | 4 . 56 | 6 . 14 | 6 . 36 | 12 . 21 | 3 . 27 | 6 . 26 | 7 . 36 |
| 3 | RABU | 10 | 4 . 46 | 4 . 56 | 6 . 14 | 6 . 36 | 12 . 21 | 3 . 26 | 6 . 26 | 7 . 35 |
| 4 | KHAMIS | 11 | 4 . 46 | 4 . 56 | 6 . 14 | 6 . 36 | 12 . 20 | 3 . 25 | 6 . 25 | 7 . 35 |
| 5 | JUMAAT | 12 | 4 . 46 | 4 . 56 | 6 . 13 | 6 . 36 | 12 . 20 | 3 . 24 | 6 . 25 | 7 . 34 |
| 6 | SABTU | 13 | 4 . 46 | 4 . 56 | 6 . 13 | 6 . 35 | 12 . 20 | 3 . 23 | 6 . 24 | 7 . 34 |
| 7 | AHAD | 14 | 4 . 45 | 4 . 55 | 6 . 13 | 6 . 35 | 12 . 19 | 3 . 21 | 6 . 24 | 7 . 33 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 24 °C | 33 / 25 °C | 33 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 24 °C | 33 / 25 °C | 33 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 33 / 24 °C | 33 / 25 °C | 33 / 24 °C |
| Kuala Belait | 33 / 24 °C | 33 / 25 °C | 33 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 1 SEPTEMBER 2025

### Kentalkan hati, jangan berputus asa

**SEMUA** manusia tidak terlepas dengan ujian di dunia. Setiap orang mempunyai cara atau kaedah untuk menghadapi ujian masing-masing. Ujian hidup datang dalam pelbagai bentuk, bergantung kepada situasi seseorang. Ia adalah sebahagian daripada pengalaman manusia yang membentuk keperibadian, ketabahan, dan kematangan seseorang.

Ujian hidup, walaupun pahit dan menyakitkan, sebenarnya banyak membawa kelebihan jika dilihat dari sudut yang positif. Dalam Islam, ujian bukan satu bentuk hukuman, tetapi tanda kasih sayang Allah, peluang untuk meningkatkan diri dan jalan menuju kejayaan sebenar di dunia dan akhirat.

Langkah pertama untuk menjadikan ujian hidup sebagai pemacu semangat adalah dengan menerimanya dengan hati yang reda dan terbuka. Penerimaan ini bukan bermaksud menyerah, tetapi mengakui bahawa ujian adalah sebahagian daripada perjalanan kehidupan.

Sikap ini akan membuka ruang kepada ketenangan jiwa dan fikiran yang lebih rasional. Apabila seseorang mula melihat ujian sebagai takdir yang mempunyai hikmah, dia akan lebih bersedia untuk menghadapinya dengan penuh semangat dan sabar.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini Khatib menekankan, kita selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala, tidak terlepas dan pastinya melalui saat-saat ujian yang melemahkan hati. Ya, ada masa kita berasa tidak mampu lagi untuk melangkah. Namun ketahuilah! Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan pernah membiarkan hamba-Nya sendirian dan Dia yang Maha Penyayang telah berfirman dalam Surah Yusuf, ayat 87 Tafsirnya : "*Dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya tiada yang berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir*".

Ayat ini sesungguhnya adalah penawar bagi hati yang sedang terluka dan sedang berputus asa. Walau sebesar mana dosa kita, walau sedalam mana luka kita, sesungguhnya rahmat Allah Subhanahu Wata'ala itu lebih luas daripada segala-galanya.

Oleh itu, kita sebagai hamba yang beriman dan bertakwa perlu menjadikan ujian hidup sebagai pemangkin semangat dalam kehidupan. Melalui kegagalan dan kesusahan, kita belajar tentang erti kesabaran, ketabahan, dan kecekalan.

Ujian memberi peluang kepada seseorang untuk menilai semula kelemahan diri dan memperbaiki kekurangan yang ada. Contohnya, seseorang yang gagal dalam peperiksaan boleh melihatnya sebagai peluang untuk memperbaiki teknik pembelajaran dan meningkatkan usaha. Dengan belajar daripada pengalaman pahit, seseorang itu boleh membina versi dirinya yang lebih kuat dan matang, sekali gus menjadikan ujian sebagai batu loncatan ke arah kejayaan. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



**SEJURUS keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda di Pentas Diraja, Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan.**

>> Muka 2

Daerah Belait hari ini menjadi tumpuan segenap lapisan rakyat dan penduduk yang membanjiri Padang Bandaran sejak awal pagi lagi setia menanti keberangkatan tiba raja yang dikasihi bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Helipad Jalan Maulana, Kuala Belait dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 bagi Tahun 2025; Yang Berhormat Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 serta Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

>> Muka 4







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait (atas, atas kanan sekali, kanan sekali, bawah kanan sekali dan kanan).**







**ANTARA penuntut sekolah beratur di sepanjang tepi jalan raya sambil mengibarkan bendera-bendera kecil Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja (kiri).**



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait (atas, atas kanan, kanan dan bawah kanan).





>> Muka 3

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Lebih 2,700 penuntut sekolah beratur di sepanjang tepi jalan raya sambil mengibarkan bendera-bendera kecil Negara Brunei Darussalam termasuk barisan murid-murid sekolah rendah yang memegang bunga manggar dan turut dimeriahkan dengan paluan hadrah bagi sama-sama mengalu-alukan keberangkatan Kebawah DYMM serta kerabat diraja.

Sejurus berangkat tiba di Pentas Diraja, Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan.

Kebawah DYMM serta kerabat diraja kemudian dijunjung bagi menyaksikan Persembahan Khas bertemakan 'Raja dan Rakyat Berjiwa Satu' yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah, sekolah rendah, hadrah, koir, gulintangan, dan pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Ini kemudian diikuti dengan laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' sebanyak tiga kali.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat ke Pentas Persembahan Khas untuk sesi bergambar ramai bersama para peserta dan seterusnya dijunjung berangkat bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan mengunjungi salah satu petak pameran (bawah), manakala gambar atas dan bawah kanan, baginda bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra.












**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Santap (atas dan atas kiri).**





**KEBAWAH DYMM berkenan menandatangani hadrah yang disembahkan Kehadapan Majlis baginda.**

>> Muka 4

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan mengunjungi pameran-pameran serta berkenan menerima beberapa pesambah.

Majlis Ramah Mesra diisikan dengan lebih 40 petak yang antaranya terdiri daripada penyertaan dari tujuh mukim yang ada di Daerah Belait; Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs); Warga Emas; Pendidikan; syarikat-syarikat swasta; serta ABDB Batalion Ketiga, Lumut Kem dan Pasukan Royal Gurkha Riffle Seria.

Sejurus selesai, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja seterusnya dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Santap.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM berkenan memotong Kek Hari Keputeraan baginda ke-79 Tahun.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syari'ah Daerah Belait, Yang Arif Mohd. Shah bin Taip.

Sebelum berangkat meninggalkan Dewan Santap, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan jemputan-jemputan khas.

Rakyat dan penduduk Daerah Belait merafak sembah dan menzahirkan doa agar Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia dan sihat sejahtera buat Kebawah DYMM serta kekal karar memerintah negara dalam keadaan selamat sejahtera di bawah inayah Allah jua. Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik.



**KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai dan seterusnya menerima junjung ziarah (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan. Sementara gambar bawah tengah, antara persembahan yang menyerikan lagi majlis. Gambar bawah kanan pula, Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syari'ah Daerah Belait, Yang Arif Mohd. Shah bin Taip.**









# PERSEMBAHAN SERLAHKAN RAJA DAN RAKYAT BERSATU HATI REALISASIKAN WAWASAN BRUNEI 2035




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berangkat menyaksikan Persembahan Khas bertemakan 'Raja dan Rakyat Berjiwa Satu' pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Shahwal Ibrahim Tajudin**

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 30 Ogos. - Persembahan Khas bertemakan 'Raja dan Rakyat Berjiwa Satu' yang dipersembahkan oleh lebih 490 peserta, mewarnai dan memeriahkan lagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Daerah Belait.

Persembahan Khas itu dipersembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja lain.

Semangat perpaduan, taat setia dan cinta kepada raja, agama dan negara dizahirkan dalam Persembahan Khas yang melibatkan para belia dan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah rendah dan menengah di daerah tersebut.

Persembahan Khas kali ini berkonsepkan gerak laku formasi dan tarian yang diiringi muzik latar kontemporari dan lagu yang digubah sesuai dengan tema.

Dibahagikan kepada tiga segmen dengan prop-prop persembahan, segmen pertama merupakan pembuka tirai persembahan bagi menjunjung keberangkatan baginda dan kerabat diraja dengan mempersembahkan gerak laku kontemporari dan formasi yang melambangkan rakyat menyambut keberangkatan raja berdaulat yang dihormati dan disayangi.

Segmen kedua pula mempersembahkan tarian asli yang divariasikan bagi menggambarkan generasi berwawasan yang bersemangat, proaktif, berjiwa besar, progresif dan dinamik dalam mendukung kepimpinan raja serta merealisasikan hasrat baginda. Segmen berkenaan juga melambangkan keharmonian sosial, kesetiaan dan keyakinan rakyat dalam mendukung Wawasan Brunei 2035.

Manakala segmen ketiga iaitu persembahan *finale* dengan menggabungkan seluruh peserta yang terlibat, melambangkan rakyat dan penduduk Daerah Belait yang ceria dan gembira meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berdaulat lagi terhormat, sambil diiringi dengan persembahan nyanyian lagu tema 'Raja dan Rakyat Berjiwa Satu'.

Persembahan Khas kali ini juga diiringi oleh pancaragam dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan pemuzik daripada S.C Company.

>> Muka 7






**ANTARA yang hadir menyaksikan persembahan (atas), manakala gambar kiri dan gambar-gambar di bawah, Persembahan Khas kali ini berkonsepkan gerak laku formasi dan tarian yang diiringi muzik latar kontemporari dan lagu yang digubah sesuai dengan tema.**










**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda dijunjung bergambar ramai bersama para peserta persembahan.**

>> Muka 6

Tema 'Raja dan Rakyat Berjiwa Satu' diterjemahkan bahawa raja dan rakyat di negara ini sama-sama bersatu hati, berpadu jiwa serta sekuat tenaga dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan bagi mencapai kemajuan dan kejayaan negara dengan berpaksikan kepada konsep Melayu Islam Beraja sebagai identiti kebangsaan.





Ketua Koreografer Persembahan, Awang Mohammad Yussof bin Yaakub, ketika ditemu bual menjelaskan bahawa para jurulatih dan pemuzik sudah mengadakan latihan sejak bulan April lalu manakala para penuntut sekolah yang terlibat memulakan latihan mereka pada sekitar bulan Jun.

"Apa yang penting, para peserta *enjoy* menjayakan Persembahan Khas dan kami berharap dapat menghiburkan semua yang hadir pada acara hari ini terutamanya ke hadapan raja yang dikasihi," ujarnya yang beberapa kali terlibat dalam memimpin Persembahan Khas berkenaan.

Beliau juga menzahirkan rasa terharu dan berbangga kerana diberi peluang dan kepercayaan untuk melaksanakan amanah berkenaan kerana ia bukanlah satu tugasan yang mudah.

Sementara itu, salah seorang peserta persembahan tarian mewakili Kumpulan Tari Loka, Awang Mohammad Kairul Anwar bin Awang Japar mengongsikan beliau bersama kumpulannya sudah beberapa kali menyertai Persembahan Khas pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk berkenaan di daerah yang berlainan.

Seperti persembahan-persembahan sebelumnya tambah beliau, rasa teruja untuk menyertai persembahan masih sama dan ini adalah sebagai pesambah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Alhamdulillah, inilah masanya untuk kami bergabung dengan penari-penari dari kumpulan tarian lainnya seperti artis tari dan DSDC, peluang kami untuk sama-sama menggabungkan kreativiti dan semangat kasih sayang kepada Kebawah DYMM.

Untuk persembahan tahun ini ujar beliau, mereka menggabungkan kreativiti dan idea - idea baharu selain mengetengahkan tarian tradisional yang diberi nafas baharu mengikut perkembangan zaman.

Rasa teruja juga dizahirkan oleh dua orang pelajar daripada Chung Hwa Middle School (CHMS) iaitu Dayang Nur Ariana binti Haji Mohammad Alli Farid dan Dayang Safiyyah Lam binti Muhammad Tommy Fatah.

Keduanya yang baru pertama kali ikut serta dalam persembahan khas pada acara berkenaan merasa gembira dan seronok kerana terpilih menyertainya dan mereka juga teruja dapat bersua muka secara lebih dekat dengan raja yang disayangi rakyat jelata.

Dalam pada itu, mereka juga turut merafakkan sembah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM, dengan iringan doa semoga Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia baginda.



**PERSEMBAHAN Khas bertemakan 'Raja dan Rakyat Berjiwa Satu' yang dipersembahkan oleh lebih 490 peserta, mewarnai dan memeriahkan lagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait (kiri, atas kiri, kiri sekali, bawah tengah dan bawah kanan). Manakala gambar bawah kiri, orang ramai yang hadir menyaksikan persembahan.**







PELITA BRUNEI

# AHLI-AHLI BAHARU TERIMA LENCANA KEAHLIAN 'TENDERFOOT'




**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berangkat ke Majlis Penyampaian Lencana Keahlian 'Tenderfoot' Senegara PPPBD Tahun 2025 di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Hasan.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**

**MUKIM KILANAS**, Ahad, 31 Ogos. - Seramai 444 ahli-ahli baharu yang terdiri daripada sembilan Pemimpin Dewasa, 55 Pemimpin Muda, 31 Pandu Puteri Ranjer, 285 Pandu Puteri 64 Pandu Puteri Tunas menerima Lencana Keahlian 'Tenderfoot' masing-masing pada Majlis Penyampaian Lencana Keahlian 'Tenderfoot' Senegara Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) Tahun 2025 di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, di sini.

Berangkat mengurniakan penyampaian lencana keahlian tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Dipertua PPPBD.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Naib Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali; dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani.

Ketua Pesuruhjaya PPPBD dalam sembah alu-aluan antara lain mengongsikan, majlis yang diadakan melambangkan satu lagi pencapaian bermakna dalam usaha PPPBD untuk meningkatkan jumlah keahlian persatuan dan seterusnya dapat memupuk nilai kepimpinan, disiplin dan sahsiah dalam kalangan ahli-ahlinya.

Dalam usaha PPPBD untuk memperkasa dan meningkatkan jumlah keseluruhan keahlian ini sembahnya, persatuan juga menghadapi cabaran dalam meningkatkan jumlah ahli khususnya pada peringkat Pandu Puteri Tunas.

Menurutnya, ini mungkin disebabkan pemimpin yang kurang minat untuk mengikuti aktiviti ini di luar waktu sekolah dan mungkin juga kekangan tugasan dalam sekolah yang memerlukan lebih perhatian.

"Untuk makluman Yang Teramat Mulia, persatuan juga menghadapi cabaran dalam mengekalkan ahli-ahlinya terutama di kalangan ahli pemimpin muda. Ini kerana sebahagian ahli pemimpin muda mula menumpukan perhatian kepada komitmen akademik dan kurang aktif selepas saja mencapai peringkat tertentu dalam aktiviti kokurikulum pengajian tinggi yang telah ditetapkan," sembahnya lagi.

Dalam sembah alu-aluannya, beliau juga menjelaskan, walaupun adanya cabaran-cabaran yang dihadapi tetapi semangat dan komitmen yang tinggi daripada semua jawatankuasa tadbir Alhamdulillah, semua aktiviti dan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sokongan padu daripada pemimpin, pihak sekolah, ibu bapa, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Belia dan Sukan.

Majlis turut menyaksikan bacaan Persetiaan Pandu Puteri yang diketuai oleh Pesuruhjaya Pandu Puteri Ranjer PPPBD, Dayang Hajah Nurulainiah binti Haji Abdul Halim dan bacaan Persetiaan Pandu Puteri Tunas yang diketuai oleh Penolong Pesuruhjaya Daerah Brunei Muara PPPBD, Dayang Hajah Nur Amalina Hassyaty binti Haji Sabtu.

Disusuli dengan acara kemuncak majlis iaitu penyampaian Lencana Keahlian 'Tenderfoot' yang dikurniakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah kepada ahli-ahli baharu.

Sebelum menerima lencana keahlian ini, setiap ahli baharu hendaklah berdaftar sebagai Ahli PPPBD selama tiga bulan dan bergiat aktif dalam kegiatan-kegiatan kepanduan yang diadakan serta memahami asas-asas kepanduan termasuk persetiaan, undang-undang Pandu Puteri dan Lagu Dunia Pandu Puteri.

Lencana Keahlian (Tenderfoot Badge) adalah syarat utama bagi membolehkan ahli persatuan untuk menyertai kegiatan PPPBD dan kegiatan yang dianjurkan oleh Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (World Association of Girl Guides and Girl Scouts - WAGGGS).

Ahli-ahli baharu ini telah melengkapkan program pendidikan peringkat pertama bagi peringkat masing-masing. Pengisian sesi latihan termasuk sejarah dan pengenalan mengenai kepanduan dan WAGGGS, kemahiran ikatan dan bantuan kecemasan, kraftangan serta nyanyian dalam kepanduan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia turut dijunjung oleh Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Hasan bagi menyempurnakan penanaman pokok sempena keberangkatan YTM ke sekolah berkenaan.

# Dikir Maulud terus mengimarahkan masjid



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Dikir Maulud berkenaan.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Ahli Kerjasama Takmir Masjid dan Muslimah Masjid meneruskan Dikir Maulud bagi malam keenam sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, baru-baru ini.

Majlis Dikir Maulud tersebut dimeriahkan lagi dengan kehadiran rombongan jemputan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail: pengarah pentadbiran, ketua-ketua jabatan serta ahli rombongan.

Juga memeriahkan majlis ialah ahli jawatankuasa takmir masjid, Muslimah masjid dan orang awam bagi sama-sama mengimarahkan masjid.

Dikir Maulud diadakan selama 12 malam berturut-turut sehingga 4 September 2025. Bulan Rabiulawal adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam di seluruh dunia, bulan yang penuh keberkatan kerana di dalamnya terdapat hari kelahiran junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping mengimarah dan menghidupkan masjid pada malam-malam sebelum tarikh kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, usaha ini diharapkan akan dapat memupuk dan mengeratkan lagi ukhuwah islamiah dalam kalangan masyarakat di semua peringkat umur dan menanam nilai keislaman dalam kehidupan seharian.

Diharap ia juga akan dapat melatih masyarakat untuk sentiasa mengingat tarikh kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

# KEMPEN KEBERSIHAN KSSUP KUTIP 570KG SAMPAH

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**





**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir menyertai Kempen Kebersihan Tahun 2025 (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Ogos. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah mengadakan Kempen Kebersihan Tahun 2025, bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian, Kampung Tungku.

Hadir menyertai kempen berkenaan ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut menyertai kempen tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, Majlis Perundingan Kampung Tungku, Ketua Kampung Tungku, pengusaha-pengusaha sektor pertanian, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai kira-kira 200 orang menyertai kempen berkenaan dan kira-kira 570 kilogram sampah berjaya dikumpulkan.

Kempen Kebersihan tersebut merupakan usaha KSSUP dalam menyokong inisiatif Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIIK) di bawah Kementerian Pembangunan, dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan demi kesejahteraan bersama.

# Majlis Bercorak Keagamaan semarakkan Sambutan Maulidur Rasul

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir pada Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam di Istana Nurul Iman.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Ogos. - Istana Nurul Iman kembali menjadi tumpuan dengan berlangsungnya Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi malam kelapan.

Majlis dihadiri pegawai serta kakitangan daripada Kementerian Pembangunan; Jabatan Pengajian Islam (JPI); Majlis Perundingan Kampung (MPK), Daerah Belait dan Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Haji Muhd. Sani bin Haji Abd. Karim.

Seterusnya, tazkirah berjudul 'Menghayati Sunnah Rasulullah' disampaikan oleh Awang Muhammad Salihan bin Samra, diikuti dengan persembahan Dikir Assalamualaika serta Asyarakal daripada Kementerian Pembangunan dan Dikir Khairuman daripada MPK, Daerah Belait.

KBM Masjid Setia Ali, Pekan Muara pula mempersembahkan Dikir Bisyahrin, manakala pegawai JPI Bahagian Sekolah Ugama (Brunei III) mempersembahkan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat.

Sebagai penutup, majlis disudahi dengan bacaan Doa Dikir dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebagai tanda kesyukuran dan memohon keberkatan untuk negara, serta kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, majlis serupa untuk jemaah wanita turut diadakan di Surau Kecil, Istana Nurul Iman, dengan kehadiran Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Hajah Nurul Aina binti Haji Abd. Lamat, kemudian diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Teladan Keluarga Sakinah Mawaddah Warahmah' yang disampaikan oleh Dayang Siti Aisyah binti Haji Salim.

Majlis turut disemarakkan dengan persembahan Dikir Assalamualaika serta Dikir Asyarakal daripada Kementerian Pembangunan; Dikir Khairuman daripada MPK, Daerah Belait, Dikir Bisyahrin oleh KBM Masjid Kampung Lumapas, juga Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat daripada pegawai JPI Bahagian Sekolah Ugama (Brunei III).

## Perhimpunan, perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad, 6 September ini

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Dalam masa kurang dua minggu sahaja lagi, masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam khasnya dan penduduk Islam dunia amnya akan menyambut Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah.

Sehubungan itu, bagi memperingati akan kelahiran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Negara Brunei Darussalam juga akan menyambut Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah secara besar-besaran dengan perhimpunan dan perarakan serentak di keempat-empat daerah pada Sabtu, 6 September 2025 bersamaan 13 Rabiulawal 1447H dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, mulai pukul 7.00 pagi.

Bagi Daerah Belait akan diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait; manakala Daerah Tutong akan diadakan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong; dan Daerah Temburong, di Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Manakala Perhimpunan Khas Wanita akan juga diadakan iaitu bagi Daerah Belait di Dewan Persidangan Kuala Belait; Daerah Tutong di Dewan Ma'had Islam Brunei; dan Daerah Temburong di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Tema bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah'.

Sementara itu, latihan penuh (*rehearsal*) Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah bagi Daerah Brunei dan Muara akan diadakan pada hari Khamis, 4 September 2025.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Sama - samalah kita memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Semoga kita semua mendapat rahmat, keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

# KSSUP ADAKAN MAJLIS DIKIR SYARAFIL ANAM



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Dikir Maulud bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas (kanan), manakala gambar bawah, antara yang turut hadir pada majlis berkenaan.**



**KILANAS**, Sabtu, 30 Ogos. - Laungan Dikir Syarafil Anam terus bergema di seluruh negara bagi membesarkan dan memuliakan Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam.

Sehubungan itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Pembukaan Dikir Maulud bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Majlis diadakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan kementerian tersebut serta jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Ketua Kampung dan penduduk Mukim Kilanas.

Sebelum memulakan bacaan dikir, majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Dikir Syarafil Anam, Dikir Marhaban beramai-ramai.

Setelah itu, majlis disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diikuti bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, Awang Adee Aiman bin Haji Muhiddin.

Majlis antara lain merupakan kegiatan keagamaan yang dikendalikan oleh KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi sama-sama meraih keberkatan dan pahala, sekali gus memupuk rasa kecintaan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**






# JPM adakan Majlis Dikir di Masjid Ar-Rahim



**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan seterusnya menyerahkan sumbangan wakaf kepada wakil Masjid Ar-Rahim (atas dan atas kiri).**

**TUTONG**, Sabtu, 30 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini meneruskan lagi Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Ar-Rahim di Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah yang diketuai oleh Imam Masjid Ar-Rahim, diikuti lagi dengan bacaan wirid, doa dan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya diserikan dengan persembahan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam daripada Kumpulan dikir Takmir Masjid Ar-Rahim dan pegawai-pegawai dari JPM.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak berjemaah, diikuti persembahan Dikir Marhaban, bacaan doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar negara akan terselamat daripada bala bencana dan segala jenis penyakit serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh tetamu kehormat majlis kepada wakil Masjid Ar-Rahim.

Acara pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang JPM dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

# DIKIR MAULUD TERUS SEMARAKKAN MAULIDUR RASUL



**Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Muslimah Masjid meneruskan Dikir Maulud bagi malam ketujuh sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis Dikir Maulud malam ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran rombongan jemputan dari Kementerian Pembangunan dan Kumpulan Khairul Insan.

**YANG Berhormat Menteri Pembangunan mengetuai rombongan pada Dikir Maulud bagi malam ketujuh sempena memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.**

Hadir selaku ketua rombongan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Mengiringi rombongan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar.

Turut hadir ialah Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd. Yassin selaku ketua rombongan Kumpulan Khairul Insan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah Masjid dan orang awam yang turut sama mengimarahkan masjid.

Dikir Maulud diadakan selama 12 malam berturut-turut sehingga 4 September 2025. Bulan Rabiulawal adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam di seluruh dunia, bulan yang penuh keberkatan kerana di dalamnya terdapat hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping mengimarah dan menghidupkan masjid pada malam-malam sebelum tarikh kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, usaha ini diharapkan akan dapat memupuk dan mengeratkan lagi ukhuwah islamiah dalam kalangan masyarakat di semua peringkat umur dan menanam nilai keislaman dalam kehidupan seharian.

Diharap ia juga akan dapat melatih masyarakat untuk sentiasa mengingat tarikh kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

# Mendukung usaha ASEAN meningkatkan perlindungan sosial responsif, adaptif




**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial Ke-12 (12th AMMSWD) yang berlangsung secara persidangan video pada 29 Ogos 2025 dengan tema 'Memperkukuh Perlindungan Sosial yang Responsif bagi Golongan Rentan dalam Komuniti ASEAN', baru-baru ini.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Union Minister, Ministry of Social Welfare, Relief and Resettlement, Republik Kesatuan Myanmar, Dr. Soe Win dan telah dihadiri oleh Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam kebajikan dan pembangunan sosial bersama Timbalan Setiausaha Agung ASEAN.

Menteri - menteri telah mengesahkan Kenyataan Bersama dalam 12th AMMSWD.

Antara lain, para menteri telah menyambut baik pelancaran ASEAN Vision 2045: Our Shared Future, yang bertujuan merealisasikan ASEAN berteraskan rakyat menjelang 2045.

Menteri-menteri bersetuju untuk menyokong bersama usaha ASEAN dalam meningkatkan perlindungan sosial yang responsif dan adaptif untuk mengukuhkan kedayatahanan dan kesejahteraan golongan rentan melalui dasar dan program - program inklusif menyeluruh semua sektor dan tahap tadbir urus bagi memastikan tiada siapa yang tercicir.

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial Ke-12 yang berlangsung secara persidangan video.**

Dalam kenyataannya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) terus memperkasa agenda perlindungan sosial dan pembangunan yang berlandaskan Brunei Darussalam Social Blueprint serta selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah Sistem Kebajikan Negara (SKN) secara digital bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian bantuan, pengukuhan institusi keluarga melalui Pelan Tindakan Institusi Keluarga, serta pengemaskinian Child Online Protection Framework bagi menangani risiko baharu seperti *cyberbullying* dan eksploitasi dalam talian.

Yang Berhormat juga menegaskan semula komitmen Brunei Darussalam dalam memupuk penyertaan inklusif untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), berpandukan Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) dan Akta Orang Kurang Upaya serta memajukan penuaan yang sihat dan berjaya melalui Pelan Tindakan Penuaan Berjaya 2025 - 2030, yang mencerminkan dedikasi negara terhadap perlindungan sosial yang menyeluruh dan berterusan untuk semua lapisan masyarakat.

Antara lain, 12th AMMSWD juga menandakan penamatan tempoh Pengerusi Brunei Darussalam dalam Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan bagi Kebajikan dan Pembangunan Sosial (SOMSWD) yang telah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, dengan peralihan pengerusi kepada Republik Kesatuan Myanmar semasa Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan bagi Kebajikan dan Pembangunan Sosial (SOMSWD) Ke-21 pada 27 Ogos 2025.

Mendahului mesyuarat tersebut adalah acara Anugerah Kecemerlangan ASEAN dalam Kebajikan dan Pembangunan Sosial (AOSWADA) Ke-3, Tahun 2025.

Majlis Kesejahteraan Kelainan Orang Upaya (MKOKU) telah menerima Anugerah Persatuan Bukan Kerajaan manakala An-Nur Harapan (Uniklearn) menerima Anugerah Sektor Swasta sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka memajukan kesejahteraan sosial dan pembangunan di NBD.

Menerusi anugerah ini, ASEAN mengiktiraf peranan penting pihak bukan kerajaan dalam memajukan perlindungan sosial bagi komuniti rentan.

Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Plus Three mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial Ke-8 berlangsung selepas AMMSWD melibatkan menteri-menteri dari Republik Rakyat China, Jepun, dan Republik Korea.

Mesyuarat tersebut menegaskan semula komitmen bersama untuk memperkukuhkan kerjasama ASEAN Plus Three serta mengutamakan peranan pelengkapnya dalam kerangka lebih luas yang diterajui ASEAN.

Turut menghadiri 12th AMMSWD dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan ialah Pegawai - pegawai Kanan KKBS.

PELITA BRUNEI

# MEMAJUKAN PENDIDIKAN INKLUSIF, SAKSAMA UNTUK SEMUA




**YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Presiden Majlis Pertubuhan Menteri - menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) menyertai Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Jawatankuasa Pandu Peringkat Tinggi Matlamat Pembangunan Mampan Ke-4 Pendidikan 2030 dan Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Guru.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**SANTIAGO, REPUBLIK CHILE**, Sabtu, 30 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Presiden Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) telah menyertai Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Jawatankuasa Pandu Peringkat Tinggi Matlamat Pembangunan Mampan Ke-4 Pendidikan 2030 dan Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Guru yang berlangsung pada 28 hingga 29 Ogos 2025 di Santiago, Republik Chile.

Acara yang dianjurkan bersama oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) dan Kerajaan Republik Chile, bertujuan untuk menangani cabaran global kekurangan guru serta memperjuangkan sokongan berterusan kepada guru dalam memajukan pendidikan inklusif dan saksama untuk semua.

Sidang Kemuncak tersebut memfokuskan kepada tiga tema utama iaitu Dasar dan strategi untuk memperkukuh profesion perguruan; Pendidikan dan pembangunan profesional serta Dialog sosial dan penglibatan dalam pembuatan keputusan dan dasar.

Tema-tema ini mencerminkan komitmen UNESCO untuk memperkukuh status, sokongan dan pembangunan guru sebagai pemangkin utama kemajuan ke arah Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG4).

Acara tersebut dirasmikan oleh Presiden Republik Chile, Tuan Yang Terutama Gabriel Boric Font, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemandu Peringkat Tinggi SDG4-Pendidikan 2030, bersama dengan Ketua Pengarah UNESCO.

Dalam ucapannya, Tuan Yang Terutama menekankan kepentingan kerjasama global dan multilateral, dengan menyatakan bahawa transformasi sistem pendidikan perlu mempelajari daripada kejayaan dan kegagalan pihak lain.

Tuan Yang Terutama turut menekankan bahawa pendekatan kolaboratif dianggap sangat penting untuk mempercepatkan kemajuan ke arah mencapai SDG4 menjelang tahun 2030.

Selaku Presiden Majlis SEAMEO, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyertai Mesyuarat Pemimpin Jawatankuasa Pemandu Peringkat Tinggi SDG4-Pendidikan 2030 (HLSC), sebuah badan pendidikan global utama yang menyelaras usaha kolektif untuk memajukan agenda pendidikan global dalam menyokong kemajuan negara ke arah SDG 4.

Semasa mesyuarat tersebut, ahli-ahli HLSC turut berkongsi pandangan dan amalan terbaik berkaitan dengan tema-tema yang dibincangkan.

Yang Berhormat mengongsikan inisiatif SEAMEO dalam usaha untuk mencapai SDG4, termasuklah Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM); Out of School Children and Youth, (OOSCY); Pelan Pendidikan Hijau (Greening Education Plan).

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan transformasi pembiayaan pendidikan yang memerlukan sokongan daripada UNESCO untuk melaksanakan penilaian diagnostik di rantau tersebut.

Di akhir mesyuarat, para pemimpin turut mengesahkan penerimaan Keputusan 2025 bagi Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Jawatankuasa Pandu Peringkat Tinggi Matlamat Pembangunan Mampan Ke-4 Pendidikan 2030.

Yang Berhormat turut menyertai sesi plenari yang membincangkan mengenai dasar untuk menangani kekurangan guru dan meningkatkan keadaan kerja.

Dalam sesi tersebut, Yang Berhormat mengongsikan beberapa inisiatif SEAMEO dalam menyokong dasar pembangunan guru serta menegaskan kepentingan kerjasama dan komitmen serantau dalam memperkukuh dasar guru yang menyeluruh khususnya dalam aspek pengambilan, pengekalan, keadaan kerja dan penempatan guru.

Sidang Kemuncak menyaksikan penerimaan Konsensus Santiago, yang menggariskan komitmen bersama untuk menangani isu kekurangan guru global, meningkatkan keadaan kerja dan mengangkat profesion perguruan melalui penyelarasan tindakan dasar serta pelaburan berterusan dalam pendidikan.

Antara yang turut mengiringi Yang Berhormat Menteri Pendidikan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman dan pegawai - pegawai dari Kementerian Pendidikan.

# Memperbanyakkan selawat melapangkan dada, menerangkan hati

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid**





**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong hadir sama mengimarahkan Majlis Ihya Maulidur Rasul sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (kanan dan kiri).**

**TUTONG**, Sabtu, 30 Ogos. - Antara kelebihan bagi mereka yang berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah memperoleh syafaat Baginda pada hari kiamat kelak, dijauhkan daripada kerugian dan penyesalan serta tergolong dalam kalangan orang-orang yang soleh dan mendapat pahala seumpama pahala memerdekakan hamba.

Amalan memperbanyakkan selawat juga dapat melapangkan dada, menerangkan hati dan menjadi sedekah bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk bersedekah.

Sehubungan itu, rombongan dikir Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong berkunjung ke Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampung Long Mayan, Daerah Tutong bagi meneruskan Majlis Ihya Maulidur Rasul sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Ugama, Daerah Tutong, Awang Haji Mohd. Aidil Sufian bin Mohd. Yassin, selaku ketua rombongan bersama pegawai-pegawai dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong dan Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong; Ahli Jawatankuasa Takmir Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan serta para penduduk kampung sekitarnya.

Atur cara dimulakan dengan bacaan dikir beramai-ramai dipimpin oleh ketua rombongan dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Rombongan dikir Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong dijadualkan berkunjung ke Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong pada Khamis, 4 September 2025 sebagai acara penutup bagi Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447H/2025M.




# Sirah Rasulullah teladan agung membina keluarga sakinah, mawaddah, warahmah



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi hadir menyerikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-27 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-196.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Ogos. - Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan teladan agung dalam membina keluarga sakinah, mawaddah, warahmah.




Melalui kasih sayang yang tulus, kesabaran, dan keadilan yang ditunjukkan Baginda sebagai suami, ayah dan ketua keluarga, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan bagaimana mewujudkan ketenangan (sakinah), kasih sayang (mawaddah) dan belas kasihan (rahmah) dalam rumah tangga.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati tazkirah bertajuk 'Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Teladan Agung Membina Keluarga Sakinah Mawaddah Warahmah' yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Seri Ramizah binti Matussin, yang bersiaran dari Mushalla Al-Ameen, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) bagi menyerikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-27 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-196.

Tambahnya, keluarga Baginda menjadi contoh sempurna tempat perlindungan, sumber kekuatan, dan pendorong kebaikan dalam menghadapi ujian hidup.

Dengan meneladani sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ujarnya, kita dapat membina keluarga yang harmoni dan bahagia yang menjadi asas kekuatan umat Islam serta masyarakat yang sejahtera, sesuai dengan nilai-nilai Islam yang syumul.

Acara Munajat malam tadi disertai oleh Ahli-ahli Majlis Belia Brunei (MBB), Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja wanita KHEU bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Menyerikan lagi acara Malam Munajat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Timbalan Yang Dipertua MBB, Dayang Nurul Izyan binti Anver, selaku penerima Anugerah Belia Berkhidmat 2025.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Ahli MBB, Bahagian Keagamaan dan Kerohanian, Dayangku Fatin Nur'Masayuni Safwana binti Pengiran Roslan.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Exco Keugamaan dan Kerohanian, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Nurul Shafiqah binti Abdullah.

Selepas tazkirah, acara diteruskan dengan Selawat Asyghil dipimpin oleh Urusetia Program Keugamaan Belia (SkiPPA), PDI, KHEU, Dayang Siti Zulaiha binti Awang Empudin, dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Setelah itu, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Exco Kesenian dan Kebudayaan Islam, KUPU SB, Dayang Siti Asyiqin binti Asmallee.

Malam Munajat anjuran KHEU bertujuan mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan melalui istighfar, membaca serta menghayati ayat-ayat suci Al-Quran dan merafakkan, serta mengamiinkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam beserta seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari sebarang bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai acara Malam Munajat yang diadakan pada setiap hari Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheuwanita*.

# DIKIR SYARAFIL ANAM SEMARAKKAN SAMBUTAN MAULUD

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUNGKU**, Sabtu, 30 Ogos. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan lelaki Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Persembahan Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam, sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



PERSEMBAHAN Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan meneruskan Majlis Persembahan Dikir ke Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop pada Isnin, 8 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 1 September 2025 Masihi.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah diselenggarakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

# HAYATI, PELAJARI SUNNAH RASULULLAH

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Sebagai Muslim yang mencintai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kita dikehendaki untuk sentiasa mempelajari sirah Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dengan mempelajari Sirah Nabawiyah secara berterusan, kita akan mengenal dan sentiasa mengingati Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar semasa menyampaikan tazkirah ringkasnya bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah' pada Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung malam tadi di Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai, kemudian disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Majlis turut diisikan dengan persembahan Dikir Assalamualaika, Khairuman, Bisyahrin, Al-Hamdu, Badat, Tafrijiyyah dan Asyrakal.

Ia kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Dikir dan Doa Peliharakan Sultan.

Manakala bagi jemaah perempuan pula, Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah diadakan di Surau Kecil, Istana Nurul Iman.

Juga hadir, pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan; Kumpulan Belia Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau; dan para pelajar dari ITQSHHB.





**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa hadir pada Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas kanan). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

# Wanita warga asing ditahan, jalankan perkhidmatan kecantikan tanpa kebenaran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Kementerian Kesihatan telah menjalankan sebuah operasi bersepadu dan berjaya menahan seorang wanita warga asing yang terlibat dalam menjalankan perkhidmatan kecantikan tanpa kebenaran di salah sebuah pangsapuri (*apartment*) di negara ini.

Operasi sepadu tersebut dijalankan pada 19 Julai 2025 dengan bantuan dan kerjasama dari Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan serta Jabatan Bandaran berikutan maklumat yang diterima dari orang awam, mengenai perkhidmatan kecantikan yang diiklankan melalui platform media sosial Instagram.

Pihak penguatkuasaan mendapati produk-produk kosmetik yang tidak dinotifikasikan untuk kegunaan rawatan kecantikan dan juga ubat-ubatan yang dibawa masuk tanpa preskripsi dari pengamal atau doktor perubatan.

Ia adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Ubat Penggal 285 bagi mana-mana individu yang tidak mempunyai kebenaran dan lesen yang sah daripada Kementerian Kesihatan untuk mengimport, menggunakan dan menjual ubat-ubatan terkawal, produk kesihatan dan barangan kosmetik di negara ini, untuk digunakan bagi tujuan rawatan pelanggan.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan mengelakkan daripada terpedaya dengan sebarang promosi perkhidmatan kecantikan di laman media sosial terutama sekali oleh individu-individu yang tidak berdaftar dengan pihak autoriti perlesenan atau seorang pengamal yang berkelayakan.

Orang awam perlu memahami akan risiko yang berkaitan dengan prosedur rawatan kecantikan dan dinasihatkan untuk merujuk dengan pengamal perubatan yang berdaftar sebelum menjalankan sebarang prosedur rawatan kecantikan.

Dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang ramai melalui aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan berterusan, orang ramai digalakkan untuk melaporkan sebarang perkhidmatan rawatan estetik dan kecantikan yang disyaki tidak sah kepada Kementerian Kesihatan dengan menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada *pharmacy.enforcement@moh.gov.bn*; berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123.



**PIHAK penguatkuasaan mendapati produk-produk kosmetik tidak dinotifikasikan untuk kegunaan rawatan kecantikan dan juga ubat-ubatan yang dibawa masuk tanpa preskripsi dari pengamal atau doktor perubatan.**



# KHEU TERUSKAN MAJLIS IHYA MAULIDUR RASUL DI MASJID PEKAN SERIA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir mengetuai rombongan pada Majlis Ihya Maulidur Rasul di Masjid Pekan Seria.**

**BELAIT**, Ahad, 31 Ogos. - Dalam memperingati dan memeriahkan Sambutan Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap Tahun Hijrah, semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bergema dengan Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut yang bermula pada 1 Rabiulawal 1447H.

Lewat petang tadi, Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan Majlis Ihya Maulidur Rasul bertempat di Masjid Pekan Seria, di sini.

Rombongan diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Majlis diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama yang juga Ketua Cawangan Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Seterusnya persembahan Dikir Assalamualaika oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pekan Seria dan rombongan KHEU dan disusuli dengan Dikir Bisyahrin oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pekan Seria dan Dikir Badat oleh para Guru Ugama Daerah Belait.

Sebaik sahaja selesai menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, majlis diteruskan dengan Dikir Asyrakal oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pekan Seria dan rombongan KHEU.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pekan Seria, Awang Aminorddin bin Haji Md. Yussof.

Turut hadir, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail; pengarah-pengarah pegawai-pegawai dan kakitangan dari kementerian berkenaan, guru-guru ugama Daerah Belait, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pekan Seria, Daerah Belait serta jemaah masjid berkenaan.

Majlis ini diadakan bertujuan memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa serta pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Ia juga untuk menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menjadi salah satu syiar Islam dalam memakmurkan masjid, selain untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga KHEU dengan jemaah masjid serta penduduk kampung di sekitarnya.

Rombongan Dikir KHEU akan meneruskan majlis tersebut di Masjid Keriam, Daerah Tutong pada Selasa, 2 September 2025 ini nanti.

# Wujudkan persekitaran pembelajaran selamat, berempati



**SESI kedua Bengkel Rangka Kerja Dasar mengenai Pendekatan Pendidikan Secara Menyeluruh bagi Mencegah dan Menangani Isu Buli sebagai usaha berterusan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, berempati dan kondusif di semua institusi pendidikan.**

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**BERAKAS**, Sabtu, 30 Ogos. - Kementerian Pendidikan hari ini telah mengadakan sesi kedua Bengkel Rangka Kerja Dasar mengenai Pendekatan Pendidikan Secara Menyeluruh bagi Mencegah dan Menangani Isu Buli sebagai usaha berterusan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, berempati dan kondusif di semua institusi pendidikan bertempat di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan.

Seramai lebih kurang 100 orang peserta daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk wakil daripada agensi kerajaan, sektor swasta, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah menghadiri bengkel tersebut.

Bengkel dimulakan dengan sesi pengenalan yang merangkumi refleksi sesi pertama bagi menjalin semula jaringan kolaborasi pihak-pihak berkepentingan yang sedia ada.

Seterusnya, fokus bengkel dialihkan kepada pembentukan rangka kerja yang dijalankan secara interaktif dan diikuti dengan sesi penyampaian plenari dan semakan rakan sebaya (*peer review*) untuk penambahbaikan secara menyeluruh.

Pembangunan rangka kerja berkenaan menekankan pendekatan Pendidikan yang Menyeluruh dengan mencabar penyelesaian yang *one-size-fits-all*.

Ia mengutamakan strategi yang berteraskan data dan penyelidikan, berasaskan bukti dan menggalakkan refleksi diri yang jujur, serta mengenal pasti jangkaan atau ekspektasi baharu bagi memupuk budaya akauntabiliti.

Kaedah ini akan dapat menjamin rangka kerja yang komprehensif dan meliputi semua aspek yang kritikal.

Bengkel ditutup dengan penyataan komitmen bersama terhadap pelaksanaan rangka kerja yang telah dihasilkan.

Sebanyak 27 soalan dikemukakan oleh sembilan kumpulan (*domain*) yang berasaskan model UNESCO 2020, menghasilkan sebanyak 99 cadangan dan 27 aspek keutamaan bagi rangka kerja berkenaan.

Lima keutamaan yang dikenal pasti dari bengkel berkenaan termasuk Mengukuhkan Penglibatan Pihak Berkepentingan dan Pendekatan Seluruh Negara, Meningkatkan Sistem Komunikasi, Pelaporan, dan Pemantauan Data, Melabur dalam Modal Insan dan Pembangunan Profesional, Memajukan Transformasi Digital dan Perlindungan, Menggalakkan Budaya Sekolah yang Inklusif, Menyokong dan Selamat.

Rangka Kerja Dasar Kebangsaan Anti-buli akan berfungsi sebagai dokumen rujukan strategik yang mengandungi cadangan tindakan yang praktikal dan kontekstual, berasaskan pendekatan Whole Education Approach.

Rangka kerja berkenaan turut berperanan sebagai peta jalan (*roadmap*) yang menjadi panduan kolaborasi antara agensi dan pihak berkepentingan, bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan secara berterusan. Bengkel ini dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan.

Sesi pertama bengkel berkenaan, yang memberi penekanan khusus kepada taklimat berkaitan isu buli telah diadakan pada Isnin, 25 Ogos 2025 yang lalu.




# Bekas pembantu rumah dihukum penjara 4 tahun

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Mahkamah Tinggi hari ini menjatuhkan hukuman penjara empat tahun ke atas seorang bekas pembantu rumah warganegara Indonesia atas pertuduhan menyebabkan kematian anak damit yang baru dilahirkan pada dua tahun lepas.

Pesuruhjaya Kehakiman, Muhammed Faisal bin PDJLD (B) DSP Haji Kefli menjatuhkan hukuman tersebut, selepas defendan Nurul Fitria binti Arnas 31 tahun mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu.

Hakim turut mengarahkan hukuman bermula sejak tarikh ditangkap iaitu pada 10 Julai 2023.

Nurul Fitria binti Arnas mengaku memukul anak damitnya yang baru lahir dengan cara yang berkemungkinan menyebabkan kecederaan fizikal, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 28(1) Akta Kana-kanak dan Orang Muda, Penggal 219.

Mengikut pertuduhan, kejadian tersebut berlaku antara malam 29 Jun dan awal pagi 30 Jun 2023, apabila defendan melahirkan anak damitnya secara rahsia di dalam bilik mandi rumah majikannya.

Dalam keadaan panik dan takut akan diketahui, defendan memukul anak damitnya yang baru lahir tersebut dengan cara yang berkemungkinan menyebabkan kecederaan fizikal iaitu dengan memukul dada anak damit itu dan menyebabkan anak damit tersebut terjatuh beberapa kali di atas kepala anak damit berkenaan.

Anak damit tersebut kemudian ditemui oleh majikannya. Bedah siasat mencatatkan kecederaan luaran dan dalaman, walaupun punca sebenar kematian tidak dapat dipastikan.

Defendan telah datang ke Negara Brunei Darussalam pada sekitar bulan Mac 2023 untuk bekerja sebagai pembantu rumah, setelah menyembunyikan kehamilannya semasa proses permohonan dengan menyerahkan sampel air kencing orang lain semasa pemeriksaan kesihatan.

Defendan pada asalnya didakwa dengan cubaan membunuh di bawah Bab 307(1)(a) Kanun Hukuman Jenayah.

Susulan representasi perundangan, satu tuduhan alternatif di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda telah dibuat pada 26 Julai 2025, yang mana defendan mengaku bersalah di bawah Bab 28 Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, hukuman maksimum bagi kesalahan ini adalah denda tidak melebihi BND20,000, penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dengan atau tanpa sebat tidak melebihi 10 kali sebatan, atau kedua-duanya sekali.

Dalam menjatuhkan hukuman, Pesuruhjaya Kehakiman, Muhammed Faisal menekankan bahawa kesalahan terhadap anak damit yang baru lahir perlu ditangani dengan serius, dengan menyatakan bahawa mangsa sedemikian benar-benar tidak berdaya dan sepenuhnya bergantung kepada penjaga mereka.

Mahkamah turut mendapati bahawa defendan telah gagal dalam tanggungjawab penjagaan dan telah menyebabkan anak damit tersebut mengalami tindakan yang berkemungkinan menyebabkan kecederaan serius. Setelah mengambil kira pengakuan bersalah dan faktor mitigasi lain, Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara empat tahun bermula pada 10 Julai 2023, tarikh tertuduh ditahan reman.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri Kiprawi mewakili Pendakwa Raya, manakala Peguam Bela, Nabilah Zainal Abidin dari Yusof Halim Partners mewakili tertuduh.

# JKA anjur Majlis Khatam Al-Quran

**Berita dan Foto : Ihsan Jurai Keturunan Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Ogos. - Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam anjuran Jurai Keturunan Ahmad (JKA) adalah bagi menzahirkan kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.




**SESI bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam anjuran Jurai Keturunan Ahmad (JKA) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.**

Majlis kali ke-4 tersebut disertai oleh 64 ahli keluarga JKA itu dihadiri oleh Awang Haji Mohd. Yussof bin Haji Mohd. Salleh selaku tetamu khas yang antara lain melahirkan rasa bangga atas ibadah bertadarus Al-Quran yang berterusan oleh keluarga JKA, di samping sama-sama memeriahkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun.

"Majlis ini sangat bermanfaat dalam *kitani* sama-sama merafakkan rasa kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-79 Tahun, di samping meningkatkan ibadah yang sekali gus membantu merapatkan hubungan kekeluargaan *kitani*," jelasnya.

Turut hadir menyertai majlis yang diadakan di Beribi itu ialah Penaung JKA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Jurulateh Adat Istiadat Diraja Dato Paduka Haji Awang Mashhor bin Haji Awang Metahir dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Zaimi bin Haji Talip.

Majlis 79 Kali Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu khas dan disusuli oleh bacaan surah-surah lazim yang bermula dari Surah Ad-Duha sehingga An-Nas yang dikepalai oleh Haji Awang Jasni bin Haji Abdul Latif.

Bacaan-bacaan takhtim Al-Quran dan Tahlil secara beramai-ramai diketui oleh Awang Haji Jamil bin Haji Abdul Ghani yang juga membaca Doa Khatam dan Doa Kesyukuran Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diserikan dengan Dikir Asraqal dan Marhaban oleh peserta Khatam Al-Quran yang dikepalai oleh Haji Awang Jasni.

Pada akhir majlis, Haji Awang Abdul Hakim bin Haji Awang Mohd. Yassin selaku Pengerusi Majlis menyampaikan cenderahati kepada tetamu khas.

# GALAKKAN PENGGUNAAN SKRIN SECARA SEIMBANG, TERKAWAL



**PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad hadir selaku tetamu kehormat pada pelancaran Kempen Kesedaran 'Skrin Berpada, Anak Terjaga'.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Kumpulan 1-Vision di bawah Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kohort 36, anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA), pagi tadi melancarkan Kempen Kesedaran 'Skrin Berpada, Anak Terjaga'.

Majlis pelancaran berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, sempena Pesta Buku Brunei 2025 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kempen berkenaan menekankan isu kebimbangan mengenai penggunaan skrin secara berlebihan dalam kalangan kanak-kanak serta kepentingan menjaga perkembangan awal mereka, khususnya kesihatan mata.

Objektif utamanya adalah meningkatkan kesedaran ibu bapa dan penjaga tentang risiko pendedahan skrin berpanjangan, di samping menggalakkan penggunaan skrin secara seimbang, terkawal dan berhemah dalam keluarga.

Kempen ini turut menyokong garis panduan rasmi Kementerian Kesihatan, iaitu tiada penggunaan skrin bagi kanak-kanak berumur bawah 2 tahun; maksimum satu jam sehari bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 5 tahun; dan maksimum dua jam sehari bagi mereka yang berumur 6 hingga 18 tahun.

Kajian menunjukkan penggunaan skrin secara berlebihan boleh memberi kesan terhadap perkembangan bahasa, kemahiran motor, kawalan diri, kemahiran sosial serta menyebabkan hiperaktif dan gangguan tidur.

Sehubungan itu, ibu bapa disarankan memberi keutamaan kepada aktiviti interaktif dan fizikal yang menyokong perkembangan otak serta kesejahteraan anak-anak.

Pelancaran rasmi video kesedaran telah disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad selaku tetamu kehormat.

Majlis turut diserikan dengan sesi perkongsian daripada pakar-pakar Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (CDC) Kementerian Kesihatan, Jabatan Oftalmologi Pusat Mata Hospital RIPAS dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Selain itu, para pengunjung berpeluang menyertai kuiz interaktif dengan hadiah menarik serta mengikuti aktiviti 'DIY Screen Time Rules Kit' yang membantu keluarga membina rutin penggunaan skrin secara praktikal di rumah.

Kempen ini merupakan hasil kolaborasi Kumpulan 1-Vision bersama pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan pihak swasta dengan pendekatan Whole of Nation, sekali gus menegaskan bahawa melindungi kanak-kanak daripada risiko penggunaan skrin berlebihan adalah tanggungjawab bersama ibu bapa, masyarakat dan pihak berkepentingan lain.



**KEMPEN berkenaan menekankan isu kebimbangan mengenai penggunaan skrin secara berlebihan dalam kalangan kanak-kanak serta kepentingan menjaga perkembangan awal mereka, khususnya kesihatan mata.**

# Doa Selamat, sesi motivasi untuk pelajar menjelang PSR

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**MUARA**, Sabtu, 30 Ogos. - Majlis Membaca Doa dan Sesi Motivasi bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) anjuran Bekas Pelajar Sekolah Persediaan Inggeris Sultan Umar Ali Saifuddin (SPI SUAS) Muara diadakan pagi tadi di Dewan Sri Muara, Sekolah Rendah SUAS Muara, di sini.

Majlis tersebut bertujuan memberikan dorongan dan semangat kepada para pelajar Tahun 6 yang bakal menduduki peperiksaan PSR.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai.

Bacaan Doa Selamat dan Doa PSR pula dipimpin oleh Guru Ugama SR SUAS Muara, Mohd. Fadli bin Metussin.

Pengerusi Majlis, Haji Muhammad Yasin bin Haji Tunggal, dalam ucapannya, antara lain memberikan kata-kata motivasi dan semangat kepada para pelajar bagi meningkatkan keyakinan diri mereka dalam menghadapi peperiksaan, di samping menyeru mereka agar menyahut cabaran Wawasan Brunei 2035.

Menurutnya, para pelajar merupakan aset negara yang akan menyumbang kepada kecemerlangan Negara Brunei Darussalam suatu hari nanti.

Majlis turut diserikan dengan aktiviti Memahami Arahan dan Kuiz, serta sesi perkongsian hala tuju selepas PSR.

Hadir selaku tetamu khas, Lim Siew King, bekas pelajar SPI SUAS Muara.

Turut hadir, Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan; Guru Besar SR SUAS Muara, Pengiran Normawati binti Pengiran Ibrahim; para guru serta Ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan yang bertujuan mengeratkan silaturahim antara bekas pelajar SPI SUAS Muara dan pihak Sekolah Rendah SUAS Muara.



**ANTARA yang hadir pada Majlis Membaca Doa dan Sesi Motivasi bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah anjuran Bekas Pelajar Sekolah Persediaan Inggeris Sultan Umar Ali Saifuddin Muara.**

# MELAHIRKAN PEMBIMBING HAJI, UMRAH PROFESIONAL, BERPENGETAHUAN TINGGI

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. – Sebagai usaha proaktif ke arah melahirkan pegawai pengiring atau pembimbing haji dan umrah yang profesional, berpengetahuan dan berdedikasi tinggi, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi buat julung-julung kalinya mengungkayahkan Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU).

Program berkenaan membuka tirainya baru-baru ini, dengan kohort pertama seramai 30 orang peserta.

Program selama kira-kira empat bulan itu akan mengetengahkan tujuh modul, antaranya, Pengenalan Urusan Haji dan Umrah di Negara Brunei Darussalam; Panduan Lengkap Manasik Haji dan Umrah; Komunikasi Dakwah Berkesan dalam Bimbingan Haji dan Umrah; Panduan Mekah dan Madinah: Dimensi Sejarah, Geografi dan Nilai Ibadah; Kemahiran Berkomunikasi Berkesan; Fatwa dan Isu Semasa Manasik Haji dan Umrah; serta Bimbingan Psikologi Pertolongan Cemas dan Kesihatan Jemaah.

Dikendalikan oleh fasilitator dari KUPU SB dan agensi yang berkenaan, program tersebut antara lain bertujuan untuk membekalkan para peserta dengan kemahiran teknikal, pengetahuan syariah dan etika kerja yang berintegriti.

Di samping itu, ia juga diharap dapat memenuhi keperluan industri haji dan umrah yang semakin kompleks, sekali gus menjadi wadah dan mekanisme terbaik ke arah perkhidmatan haji dan umrah yang berkualiti dan bersifat holistik.




**SESI bergambar ramai pada Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU).**

# 51 murid berjaya tamatkan 30 Juzuk Al-Quran



**SALAH seorang murid semasa menerima sijil (atas). Manakala gambar kanan, sebahagian murid yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.**



**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ihsan Jabatan Pengajian Islam**

**SALAMBIGAR**, Sabtu, 30 Ogos. – Seramai 51 orang murid yang terdiri daripada 27 murid lelaki dan 24 murid perempuan Sekolah Ugama Sultan Sharif Ali, Kampung Salambigar diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan petang tadi bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pegawai Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan IIB, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Salmaya binti Haji Asmat, yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Majlis kemudian diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, disusuli dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam.

Acara turut diserikan lagi dengan persembahan Dikir dan seterusnya penyampaian sijil kepada murid-murid Darjah VI yang berjaya mengkhatamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Majlis Khatam Al-Quran anjuran tahunan sekolah-sekolah ugama di negara ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Sokongan ibu bapa turut menyumbang kepada kejayaan penganjuran, sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim dengan warga sekolah.

Inisiatif ini merupakan usaha berterusan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memperkukuh penghayatan agama dalam kalangan murid serta memperteguh syiar Islam di negara ini.

# Majlis Khatam Al-Quran raikan 18 murid Darjah VI

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran oleh sekolah-sekolah ugama di negara ini bertujuan meraikan murid-murid Darjah VI di sekolah masing-masing yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Majlis ini menjadi tanda kesyukuran atas nikmat dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memberi galakan kepada murid-murid agar terus istiqamah membaca dan menghayati Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Petang tadi, Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di dewan sekolah berkenaan bagi meraikan seramai 18 orang peserta khatam.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Unit Perhubungan Awam, Jabatan Pengajian Islam, Awang Izwandy bin Haji Hamdan, yang turut memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

Sejurus itu majlis diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, dan kemudian diteruskan dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam dan persembahan Dikir.

Acara disusuli dengan penyampaian Sijil Khatam kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis Khatam Al-Quran anjuran tahunan sekolah-sekolah ugama di negara ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran yang berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.



**SESI bergambar ramai bersama para peserta khatam di Dewan Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba.**

## سروان سوچي

# جاڠن سکالي - کالي برڤوتوس أسا

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له کيت کحضرة الله سبحانه وتعالى دڠن منيڠکتکن کإيمانن کڤدڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سبحانه وتعالى ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن کيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠي الله سبحانه وتعالى، براوله کبهاڬيأن دان کسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الزمر أية ٥٣:

**تفسيرڽ:**

**کاتاکنله (سمڤيکنله فرمانکو اين واهاي نبي محمد): "واهاي همبا-همباکو يڠ ملمڤاوي باتس ترهادڤ ديري مريک سنديري (دڠن ڤربواتن-ڤربواتن معصية)! جاڠنله کامو برڤوتوس أسا درڤد رحمة الله. سسوڠڬوهڽ الله مڠمڤونکن سکل دوسا. سسوڠڬوهڽ دياله يڠ مها ڤڠمڤون لاڬي مها ڤڠاسيه."**

جماعه يڠ درحمتي الله،

هيدوڤ ددنيا اين تيدق ڤرنه سوڽي درڤد أوجين. اد دانتارا کيت دأوجي دڠن کسمڤيتن رزقي، اد يڠ دأوجي دڠن ساکيت، اد يڠ دأوجي دڠن کهيلڠن اورڠ ترسايڠ دان اد يڠ دأوجي دڠن هاتي يڠ مراسا لمه دان همڤير برڤوتوس أسا. کيت سلاکو همبا الله سبحانه وتعالى، تيدق ترلڤس دان ڤستين ملالوي ساعت-ساعت أوجين يڠ ملمهکن هاتي. يا، اد ماس کيت مراسا تيدق ممڤو لاڬي اونتوق ملڠکه. نامون کتهويله! الله سبحانه وتعالى تيدق اکن ڤرنه ممبيارکن همباڽ سنديرين دان دي يڠ مها ڤڽايڠ تله برفرمان دالم سورة يوسف أية ٨٧:

**تفسيرڽ:**

**دان جاڠنله کامو برڤوتوس أسا درڤد رحمة الله. سسوڠڬوهڽ تياد يڠ برڤوتوس أسا درڤد رحمة الله ملاينکن قوم يڠ کافر.**

أية اين سسوڠڬوهڽ اداله ڤناور باڬي هاتي يڠ سدڠ ترلوکا دان سدڠ برڤوتوس أسا. والاو سبسر مان دوسا کيت، والاو سدالم مان لوکا کيت، سسوڠڬوهڽ رحمة الله سبحانه وتعالى ايت لبيه لواس درڤد سکلاڽ. درڤد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: **جَعَلَ اللهُ الرَّحْمَةَ مِائَةَ جُزْءٍ، فَأَمْسَكَ عِنْدَهُ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ وَأَنْزَلَ فِي الْأَرْضِ جُزْءًا وَاحِدًا، فَمِنْ ذَلِكَ الْجُزْءِ تَتَرَاحَمُ الْخَلَائِقُ، حَتَّى تَرْفَعَ الدَّابَّةُ حَافِرَهَا عَنْ وَلَدِهَا، خَشْيَةَ أَنْ تُصِيبَهُ.**

**مقصودڽ:**

**الله منجاديکن رحمة سباڽق سراتوس بهاڬين. دي ميمڤن ٩٩ بهاڬين دان منورونکن ساتو بهاڬين کدنيا. دانتارا بهاڬين ترسبوت اداله صفة ساليڠ مڠاسيهي انتارا مخلوق سهيڠڬ سإيکور بيناتڠ اکن مڠاڠکت تاڤق کاکيڽ درڤد أنقڽ تاکوت-تاکوت اکن ترڤيجق أنقڽ. {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ڤوتوس أسا اداله بيسيکن شيطان يڠ ماهو کيت مراسا تيدق لايق کمبالي کڤد الله سبحانه وتعالى. تتاڤي ليهتله، ماريله کيت مرنوڠ سجنق قيصه نبي يونس عليه السلام کتيک بڬيندا برادا ددالم ڤروت إيکن، دالم کڬلاڤن لاوت، دمالم يڠ ڬلڤ ڬليتا لاڬي سوڽي، نامون تاهوکه کيت، اڤ يڠ دأوچڤ اوليه بڬيندا؟ دالم کأدأن يڠ سدميکين روڤا، بڬيندا تتڤ بردعاء:

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

**تفسيرڽ:**

**سسوڠڬوهڽ تياد توهن ملاينکن أڠکاو، مها سوچي أڠکاو. سسوڠڬوهڽ أکو ترماسوق اورڠ-اورڠ يڠ ظالم.**

سبحان الله! دعاء اين مڽلامتکن بڬيندا عليه السلام کران ڤڠاکوان کلمهن اداله لڠکه ڤرتام اونتوق کمبالي کڤد کقواتن. دعاء اين سريڠ دعمالکن کتيک مڠهادڤي کسوکرن، کسمڤيتن، اتاو سيتواسي يڠ تراس ترڤراڠکڤ ترماسوق کأدأن کيت مراسأي برڤوتوس أسا، سباڬاي تندا مڽراهکن ديري سڤنوهڽ کڤد الله سبحانه وتعالى دان مموهون ڤرتولوڠنڽ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سريڠ کالي اڤبيل سسأورڠ يڠ سداڠ دأوجي دڠن ڤلباڬاي مسئله هيڠڬ ممبوات ديريڽ برڤوتوس أسا مک ميمبر يڠ مليا اين برڤسن کڤد جماعه سکالين اونتوق مڠايڠي تيڬ ڤرکارا يڠ ڤنتيڠ يايت:

**ڤرتام:** أوجين دان کسوليتن ايت سمنتارا. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة الإنْشِرَاح أية ٥-٦:

**تفسيرڽ:**

**مک سسوڠڬوهڽ برسام کسوسهن اد کسنڠن. سسوڠڬوهڽ برسام کسوسهن اد کسنڠن.**

أية اين منجادي موتيۏاسي کڤد کيت اڬر صبر دان تروس برتوکل. ستياڤ مسئله يڠ منيمڤا، ڤستي اد حکمه دان جالن کلوار يڠ الله سبحانه وتعالى سدياکن. اوليه ايت، ماريله کيت مڠهادڤي ستياڤ أوجين دڠن هاتي يڠ تنڠ، يقين بهاوا ڤرتولوڠن الله سبحانه وتعالى ڤستي اد دان سنتياس دکت باڬي مريک يڠ برصبر.

**کدوا:** الله سبحانه وتعالى مندڠر دعاء دان رينتيهن همباڽ، والاوڤون هاڽ دڠن أير مات اتاو بيسيکن هاتي. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة البقرة أية ١٨٦:

**تفسيرڽ:**

**دان اڤبيل همبا-همباکو برتاڽ کڤد مو (واهاي نبي محمد) مڠناٴي اکو مک (کاتکن کڤد مريک): "سسوڠڬوهڽ اکو سنتياس همڤير (کڤد مريک). اکو ممڤرکنن ڤرموهونن اورڠ-اورڠ يڠ بردعاء اڤبيل دي بردعاء کڤد کو. مک هندقله مريک ايت مماتوهي سروانکو (دڠن مماتوهي ڤرينتهکو) دان هندقله مريک برإيمان کڤد کو سوڤاي مريک سنتياس برادا دالم کبنرن.**

سلاين ايت، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا دالم سبواه حديث يڠ درواياتکن اوليه إمام ترمذي، درڤد إبن عباس رضي الله عنهما اي برکات: اکو مندڠر رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: **عَيْنَانِ لَا تَمَسُّهُمَا النَّارُ عَيْنٌ بَكَتْ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَعَيْنٌ بَاتَتْ تَحْرُسُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.**

**مقصودڽ:**

**دوا مات يڠ تيدق اکن دسنتوه اوليه أڤي نراک يايت: مات يڠ مناڠيس کران تاکوت کڤد الله دان مات يڠ ڤد مالم هاري برجاڬ کران ممبيلا اڬام الله.**

حديث اين منکنکن بتاڤ برهرکاڽ أير مات يڠ توموه کران راس تاکوت کڤد الله سبحانه وتعالى. مات يڠ مناڠيس کران تاکوت کڤدڽ دان مات يڠ برجاڬ مالم دجالنڽ دجنجيکن ڤرليندوڠن دري أڤي نراک. اين منونجوقکن واهاي جماعه سکالين بتاڤ بسر نيلاي کإخلاصن دان کتقوأن دالم إسلام ايت.

**کتيک:** بنتوان الله سبحانه وتعالى کادڠ داتڠ دالم بنتوق يڠ کيت تيدق سڠکا کران اديکالاڽ ملالوي سسأورڠ يڠ حاضر ممبري سوکوڠن، ملالوي ڤينتو رزقي يڠ تيدق دسڠکا اتاو ملالوي کتنڠن هاتي يڠ الله سبحانه وتعالى بريکن کڤد کيت. مک، جاڠنله بيارکن ڤراسأن ڤوتوس أسا مڠواسأي جيوا دان راڬا کيت سهيڠڬ مڠهالڠ کيت درڤد بردعاء دان برأوسها. درڤد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: **وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.**

**مقصودڽ:**

**دان بارڠسياڤ يڠ ممڤرموده أوروسن سأورڠ مؤمن، الله اکن ممڤرموده أوروسنڽ ددنيا دان دأخيرة. {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

الله سبحانه وتعالى اداله سباءيک-باءيک تمڤت اونتوق کيت مڠادو. سباڬاي اورڠ إسلام، کيت اداله دأنجورکن اونتوق بردعاء کحضرة الله سبحانه وتعالى ڤد ستياڤ ماس دان کأدأن سام اد کتيک سوسه اتاو سنڠ. انتارا دعاء ريڠکس تتاڤي برمنفعة يڠ دأجرکن اوليه رسول الله صلى الله عليه وسلم اونتوق دعمالکن اياله درڤد أنس بن مالک رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**اللَّهُمَّ لاَ سَهْلَ إِلاَّ مَا جَعَلْتَهُ سَهْلاً وَأَنْتَ تَجْعَلُ الحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلاً**

**أرتين:**

**يا الله، تيدق اد کموداهن کچوالي اڤ يڠ أڠکاو جاديکنڽ موده. دان أڠکاوله يڠ منجاديکن کسوليتن، جک أڠکاو کهندقي ڤستي اي اکن منجادي موده. {حديث رواية إبن حبان}**

سباڬاي اورڠ يڠ برإيمان، کيت هندقله مميليکي سماڠت دان کعزمن يڠ قوات اونتوق مڠهادڤي دان مناڠني سبارڠ مسئله، جابرن دان رينتاڠن تنڤا موده برڤوتوس أسا دالم کهيدوڤن.

سسوڠڬوهڽ الله سبحانه وتعالى تيدق ڤرنه ممبينکن همبا-همباڽ دلوار باتس کممڤوان مريک کران الله سبحانه وتعالى مها مڠتهوي اڤ يڠ ترباءيک اونتوق ديري کيت. اوليه ايت، أجر دان ديديکله هاتي کيت اونتوق سنتياس برسڠکا باءيک ڤد کتنتوان دان کتنتوان الله سبحانه وتعالى کران الله سبحانه وتعالى اداله سباءيک-باءيک ڤرانچڠ. موده-مودهن دڠن يڠ دمکين، کيت اکن برأوليه کبهاڬيأن هيدوڤ ددنيا دان جوڬ دأخيرة. آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**الله تيدق ممبيبني سسأورڠ (دڠن کواجيڤن) ملاينکن اڤ يڠ ترداي اوليهڽ. دي مندڤت ڤهلا کباءيکن يڠ دلاکوکنڽ دان دي جوڬ منڠڬوڠ دوسا کجاهتن يڠ دلاکوکنڽ. (مريک بردعاء): "يا توهن کامي! جاڠنله أڠکاو مڠحکوم کامي جک کامي لوڤا اتاو کامي ترساله. يا توهن کامي! جاڠنله أڠکاو بينکن کڤد کامي بيبن يڠ برت (يڠ تيدق ترداي کامي منڠڬوڠڽ) سباڬيمان يڠ تله أڠکاو بينکن کڤد اورڠ-اورڠ يڠ تردهولو درڤد کامي. يا توهن کامي! جاڠنله أڠکاو بينکن کڤد کامي اڤ يڠ کامي تيدق ترداي مميکولڽ. دان معافکنله کسالهن کامي، سرتا أمڤونکنله دوسا کامي دان کورنياکنله رحمة کڤد کامي. أڠکاوله ڤليندوڠ کامي. اوليه ايت تولوڠله کامي مڠهادڤي قوم يڠ کافر. { سورة البقرة أية : ٢٨٦ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# TERUJA BERSUA MUKA DENGAN RAJA DIKASIHI

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami





DAYANG Bismi Fatehawati binti Haji Yusop (kanan belakang) bersama rakan sekerjanya (kiri). Manakala gambar bawah kiri, Dayang Rohaya binti Hamzah (dua dari kiri) bersama rakan-rakannya dari Jabatan Bandaran.

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 30 Ogos. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 merupakan satu peluang yang amat berharga untuk menatap wajah pemimpin negara yang berjiwa rakyat. Sesungguhnya keberangkatan baginda berserta kerabat diraja bercemar duli ke Daerah Belait, hari ini, merupakan peluang keemasan yang dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat dan penduduk daerah ini bagi menzahirkan rasa syukur dan kasih sayang yang amat mendalam serta kegembiraan terhadap seorang pemimpin negara berjiwa prihatin yang digalati.

Begitulah rata-rata luahan tulus beberapa orang ramai yang berkesempatan ditemu bual oleh Pelita Brunei di Padang Bandaran, Daerah Belait yang hadir seawal pagi lagi bagi menanti keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja.

Salah seorang warga emas berusia 66 tahun, Dayang Hajah Nurini binti Haji Johari terlebih dahulu merakamkan dengan penuh kerendahan hati menjunjung kasih di atas keberangkatan raja yang dikasihi ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79.

Beliau yang juga mewakili Penolong Pengurus Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Belait berkata kemeriahan cukup dirasai, jiwa perpaduan jelas terlihat dengan adanya berbilang puak di negara kita ini turut sama-sama bersatu menjunjung keberangkatan baginda berserta kerabat diraja yang sekali gus melambangkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan raja sebagai Ulil Amri selaku peneraju dalam mencapai kemajuan negara yang merdeka lagi berdaulat ini.

"Semoga Kebawah Duli Tuan Patik serta kerabat diraja dilanjutkan usia dan sentiasa berada dalam perlindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, aman sejahtera serta kekal karar memerintah turun-temurun di atas takhta singgahsana kerajaan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) terus berada dalam keadaan aman, damai serta dengan rahmat, taufik dan inayah-Nya jua," ucap Dayang Hajah Nurini yang menetap di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait.

Sementara itu, Dayang Bismi Fatehawati binti Haji Yusop bersama rakan sekerjanya yang turut berkesempatan ditemu bual begitu teruja untuk menemani anak-anak mereka untuk menyembahkan kad ucapan Selamat Hari Keputeraan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dibuat sendiri.

"Walaupun ia tidak seberapa tetapi ia amat berharga buat diri anak-anak kerana bukan saja berpeluang bersua muka dengan baginda tapi dapat menyembahkan kad ucapan hari keputeraan kepada baginda".

"Sebelum majlis yang ditunggu-tunggu ini, pastinya anak-anak kami tidak sabar untuk datang ke acara ini dan sering bertanya bila waktunya untuk bertemu baginda," ujar mereka.

Dalam pada itu, Dayang Rohaya binti Hamzah bersama rakan-rakannya dari Jabatan Bandaran ketika ditemui antaranya berkongsi perasaan kesyukuran dalam sama-sama bertungkus-lumus terlibat dalam menanai amanah dan tanggungjawab bagi menjaga kebersihan dan keindahan sekitar majlis ramah mesra dan junjung ziarah tersebut dari semasa ke semasa.

"Alhamdulillah! kami sentiasa bersiap sedia melakukan rutin harian ini bukan hanya pada hari ini namun pada hari-hari sebelumnya. Hakikatnya menjaga kebersihan itu menjadi tanggungjawab kita bersama di mana pun kita berada.

"Begitu istimewa lagi, pada hari ini, meskipun kami bertugas dan cuaca begitu panas namun semangat kami tidak pernah luntur dalam menjalankan tugasan yang diamanahkan. Apa yang pasti kami juga gembira dapat sama-sama menyaksikan acara kenegaraan yang begitu meriah ini," tambahnya.

Selain itu, salah seorang penduduk tetap selaku wakil dari Persatuan Masyarakat India di Daerah Belait, Peethambaram Pubalan semasa ditemu bual antaranya meluahkan detik menyaksikan suasana bertemu dengan pemimpin negara dan kerabat diraja pada hari itu begitu bermakna bagi dirinya dan ahli-ahli yang lain.

"Saya lahir di negara ini, belajar di sini dan juga berkahwin di sini. Pastinya berada di sini apa yang saya dapat rasai betapa harmoninya NBD dengan keunikan budaya yang begitu istimewa. Dengan menyertai majlis keramaian sebegini dan pastinya saya berharap akan berpeluang lagi datang pada masa akan datang," ucapnya yang telah menetap di NBD lebih 60 tahun dengan senyuman.

Salah seorang warga India, Gomathi Govindaraj yang berhijrah ke NBD setelah berkahwin dengan suaminya berbangsa India asal penduduk tempatan semasa ditemui antaranya merakamkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM kerana baru-baru ini beliau mendapat taraf kerakyatan sebagai pemegang Kad Pengenalan Kuning.

“Selamat Hari Keputeraan kepada baginda dengan iringan doa semoga NBD sentiasa aman dan makmur,” ujarnya di akhir pertemuan bersama Pelita Brunei.







DAYANG Hajah Nurini binti Haji Johari, Peethambaram Pubalan dan Gomathi Govindaraj (kiri, kanan dan kanan sekali).



# FORUM GALAKKAN PERBINCANGAN ISU KESIHATAN SETIAP PERINGKAT

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ihsan Jerudong Park Medical Centre**

**KIULAP**, Sabtu, 30 Ogos. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dengan kerjasama DKSH BRN Sdn. Bhd. (DKSH) berjaya menganjurkan forum kesihatan wanita, Let's Talk Women's Health di J Hotel, Kiulap.

Acara tersebut merupakan platform penting untuk dialog terbuka dan pendidikan yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada wanita dengan pengetahuan dan menggalakkan perbincangan bermakna mengenai isu kesihatan di setiap peringkat kehidupan.

Forum dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan JPMC, Bun Pei Ling selaku tetamu kehormat majlis.

Pakar Perunding yang juga Ketua Unit Obstetrik, Ginekologi dan Perubatan Reproduktif, Dr. Lydia Suguna Chitra Karat dalam ucapannya menyatakan, kesihatan wanita sering kali terhad kepada ujian Pap Smear, mamogram dan ujian darah. Namun, sebenarnya, ia jauh lebih daripada itu.

Terangnya, kesihatan wanita harus didekati secara holistik, merangkumi bukan sahaja kesihatan fizikal tetapi juga aspek mental, rohani, sosial dan emosi kesejahteraan wanita.

Seterusnya ucapan dari Pengurus Besar DKSH, Alan Lim yang antara lain menekankan kepentingan inisiatif kesihatan awam yang berterusan dan menyediakan platform untuk pertukaran terbuka antara profesional kesihatan dan masyarakat.

Beliau juga menjelaskan bahawa forum kesihatan wanita berkenaan adalah sebahagian daripada 'Patient Purpose Day DKSH', inisiatif global tahunan untuk memberi impak yang bermakna kepada landskap penjagaan kesihatan, dengan fokus khas tahun ini iaitu mempromosikan kesihatan wanita.

Program ini menampilkan beberapa ceramah bermanfaat daripada pakar perubatan JPMC antaranya, Pakar Perunding dan Ketua Perkhidmatan Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser, Datin Dr. Noraslinah binti Haji Ramlee dengan tajuk perbincangan 'Empowering You: What Every Woman Needs to Know About Cancer Screening'; Pakar Kaunselor Obstetrik dan Ginekologi, Dr. Siti Khadijah binti Ismail yang menyampaikan tajuk 'Bump to Baby: Keys to a Strong and Safe Pregnancy'; dan Pakar Kaunselor Obstetrik dan Ginekologi, Dr. Si Lay Khaing dengan tajuk perbincangan 'Vaccination as Primary Prevention'.

Sesi perbincangan panel yang dipengerusikan oleh Dr. Lydia Suguna Chitra Karat, mengumpulkan ketiga-tiga penceramah bersama seorang tetamu khas, seorang pesakit IVF yang berkongsi pengalaman peribadinya.

Sesi tersebut mencipta persekitaran yang selamat dan menarik untuk dialog terbuka, merapatkan jurang antara profesional perubatan dan masyarakat.

Forum berakhir dengan aktiviti interaktif, di mana peserta berpeluang memenangi hadiah eksklusif yang disediakan oleh Laneige Brunei dan JPMC, serta hadiah dari Buds Organics Brunei dan Tranquility Spa.

Let's Talk Women's Health menekankan komitmen bersama JPMC dan DKSH untuk memajukan pendidikan kesihatan dan memberi kuasa kepada wanita untuk membuat keputusan yang bijak mengenai kesejahteraan mereka.




**LET'S Talk Women's Health menekankan komitmen bersama JPMC dan DKSH untuk memajukan pendidikan kesihatan dan memberi kuasa kepada wanita untuk membuat keputusan yang bijak mengenai kesejahteraan mereka.**

# Memperkukuh penghayatan konsep MIB dalam generasi muda



**PEJABAT Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Unit Pengajian MIB, Bahagian Pengajian Am, Politeknik Brunei menganjurkan Program Eksplorasi MIB.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei**

**TUTONG**, Sabtu, 30 Ogos. - Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Unit Pengajian Melayu Islam Beraja (MIB), Bahagian Pengajian Am, Politeknik Brunei (PB) telah menganjurkan Program Eksplorasi MIB bertempat di Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Program tersebut melibatkan penyertaan seramai 90 pelajar Tahun 10 yang merupakan kesinambungan usaha berterusan dalam memperkukuh penghayatan konsep MIB dalam kalangan generasi muda.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah Menengah Muda Hashim, Awang Radiman bin Haji Idris, yang antara lainnya menzahirkan penghargaan pemilihan sekolah tersebut sebagai lokasi perlaksanaan program.

Beliau turut menekankan kepentingan penghayatan nilai-nilai MIB dalam membentuk sahsiah pelajar dan menyambut baik usaha kolaboratif antara institusi pendidikan, khususnya Pejabat Sekretariat MTMIB, Kementerian Pendidikan dan Unit Pengajian MIB, PB dalam memperkasa jati diri belia melalui pendekatan yang bersifat interaktif dan berasaskan aktiviti.

Majlis pelancaran program disempurnakan oleh Ketua Bahagian Pengajian Am, PB, Dr. Hajah Rahmawati binti Haji Bolhassan, selaku tetamu khas.

Program eksplorasi ini dirangka dengan pendekatan *learning through activity* yang bertujuan untuk memperkukuh kefahaman pelajar sekolah terhadap kandungan kurikulum MIB melalui aktiviti.

Eksplorasi ini merangkumi 10 perhentian (*checkpoint*) yang menguji pengetahuan pelajar dalam pelbagai tema seperti pengisytiharan konsep MIB sebagai falsafah negara, adat istiadat diraja, struktur pentadbiran negara, keselamatan diri serta pemeliharaan khazanah dan warisan negara.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan turut mengasah kemahiran berfikir, membuat keputusan, semangat berpasukan dan daya tahan diri dalam kalangan peserta.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat MTMIB, Awang Rushdi bin Haji Abdul Rahman.

Program dihasratkan untuk dijadikan sebagai program tahunan kerjasama antara Pejabat Sekretariat MTMIB dan PB untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam.

Usaha berkenaan selaras dengan matlamat menjadikan konsep MIB sebagai mekanisme hidup yang relevan dalam membentuk jati diri, etika dan daya tahan generasi muda negara.

Program ini bukan sahaja memperkukuh pengetahuan pelajar terhadap konsep MIB sebagai mata pelajaran, bahkan menanamkan nilai-nilai kebruneian yang dapat diamalkan dan dihayati dalam kehidupan seharian.

# Penutupan sementara stesen minyak bagi kerja pemeriksaan, penelitian

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Ogos. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukatan jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta SDT 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula pukul 9.00 pagi hingga selesai, yang mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Maklumat mengenai jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan September 2025 seperti yang tertera di dalam gambar rajah.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel: *sdt@mofe.gov.bn* atau talian +673 238 3142.

| BIL | TARIKH & WAKTU PENGUJIAN | ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN | DAERAH |
|---|---|---|---|
| 1 | 8 September 2025 (Isnin)<br>9:00 pagi – 11:00 pagi | Stesen Minyak Mar`azmala Jerudong | Brunei Muara |
| 3 | 9 September 2025 (Selasa)<br>9:00 pagi – 11:00 pagi | Stesen Minyak Tumasek | |
| 4 | 10 September 2025 (Rabu)<br>9:00 pagi – 11:00 pagi | Stesen BSM Terminal Muara | |
| 5 | 16 September 2025 (Selasa)<br>9:00 pagi – 11:00 pagi | Stesen Minyak KODRAT Berhad | Tutong |
| 6 | 18 September 2025 (Khamis)<br>9:00 pagi – 11:00 pagi | Stesen Minyak Batang Duri | Temburong |
| 7 | 29 September 2025 (Isnin)<br>9:00 pagi – 11:00 pagi | Stesen Minyak Perniagaan Melayu Sdn Bhd | Belait |

## JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
15 / JMM / S / 12 / 91 (2025 / 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Sebut Harga Bagi Penggantian Keseluruhan Cermin Kaca Showcase (Standing Cabinet) Muzium Alat Kebesaran Diraja

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Sebut Harga:**
16 / JMM / S / 12 / 91 (2025 / 2026) – R

**Tajuk Sebut Harga:**
Term Contract (18 Months) For Cleaning And Upkeeping Works At Muzium Alat Kebesaran Diraja Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 25 September 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Sebut Harga:**
17 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026) – R

**Tajuk Sebut Harga:**
Term Contract (18 Months) For Cleaning And Upkeeping Works At Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Sebut Harga:**
18 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Sebut Harga Bagi Projek Kerja-Kerja Membuat Pejabat Sementara Bilik Pentadbiran Muzium Alat Kebesaran Diraja di Luar Ruang Zon E

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Sebut Harga:**
19 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Sebut Harga Bagi Projek Menaiktaraf Tayangan Video Dengan Pemasangan TV LED Screen Di Zon C Galeri Jubli Perak 1992 Dan Zon E Galeri Jubli Emas 2017 di Muzium Alat Kebesaran Diraja

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 25 September 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
II / III / IV / V

**Kategori**
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 23 September 2025

**Tarikh Tutup Pada :**
Selasa, 30 September 2025
Sebelum jam 2.00 Petang

**(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)**

**JASTRE / BTR / T017 / 2025**
Penyelenggaraan Landskap Di Taman Rekreasi Pantai Muara Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BTR / T017 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Non Refundable)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
II / III / IV / V

**Kategori :**
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 23 September 2025

**Tarikh Tutup Pada :**
Selasa, 30 September 2025
Sebelum jam 2.00 Petang

**(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)**

**JASTRE / BTR / T018 / 2025**
Penyelenggaraan Landskap Di Taman Rekreasi Persiaran Damuan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BTR / T018 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Non Refundable)

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Pada Gerai Makan Umum No.1 Bangunan Gerai Bunga Simpur Kuala Belait, Jalan Bunga Simpur Kuala Belait 28 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026**

**Dibukakan kepada pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)**

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
2 September 2025
(Selasa)

**Waktu Kaunter Pembayaran:**

Isnin – Khamis
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu
8.00 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
18 / JULY / 2025 / KKBS / PJK / 16.91

**Tajuk Sebut Harga:**
To Fabricate, Supply And Install Signages For Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 18 September 2025
Jam 2.00 Petang

## PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**Bilangan Notis Dan Tajuk Tawaran:**
HMSF / TDR / 08 / 2025
(Retender) For Service Level Maintenance Contract And Related Works (Package A) For His Majesty The Sultan's Flight Hangar 1, Hangar 2 & Provision For Minor Works At Beribi Development Housing Infrastructure

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
7 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Sebut Harga:**
(96) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)

**Tajuk:**
Pembekalan Dan Penghantaran Ink / Cartridge / Toner Printer Bagi Jabatan Penerangan Secara Berkontrak Selama Satu (1) Tahun

**Yuran:**
Dikenakan Bayaran BND5.00

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 4 September 2025
Jam 8.00 Pagi

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / TL / 005 [JPPK / LTK / 23 / 2024]

Underground Utility Mapping For The Replacement Of Main Water Pipeline And Associated Works For Muara Naval Base - Phase 2

**Tarikh Mula Tawaran:**
1 September 2025

**Kelas:**
III dan ke Atas

**Kategori:**
KA01 atau KPB13

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Sembilan (9) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Isnin, 22 September 2025**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
30 September 2025
Jam 2.00 Petang

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / TL / 002 [JPPK / LTK / 04 / 2025]

Design And Build On Extension Of Squadron Bot Tempur Batallion Bantu Building Royal Brunei Land Forces

**Tarikh Mula Tawaran:**
1 September 2025
**Kelas:**
III dan ke Atas

**Kategori:**
KA01, B01 dan E01, M01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Lapan (8) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Isnin, 22 September 2025**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
30 September 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
8 / BBS / SDSFJBKBS / 2025-2026

**Keterangan Projek:**
Mencetak Sampul Surat Dan Risalah Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Non – Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
16 September 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Sebut Harga:**
(97) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Kerja-Kerja Pembasmian Tikus Di Bangunan Asal Jabatan Penerangan.

**Yuran:**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
4 September 2025
Jam 8.00 Pagi

## JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)**

**atau**

**Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)**

**atau**

**Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)**

**bagi**

**Daerah Temburong**

**Kampung Belingos, Mukim Bangar Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo**

Adalah dimaklumkan bahawa **Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Temburong bagi kampung-kampung yang tersenarai di atas untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Temburong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 19 Rabiulakhir 1447 bersamaan 11 Oktober 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+673 5221266 / 265 ext 116 / 118 / 119 atau +673 5221110.**

Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua-Ketua Kampung, Daerah Temburong

**Ketua Kampung Belingos, Mukim Bangar**
**Kampung Belingos**
**Pekan Bangar**
**Kampung Bang Bulan**
**Kampung Lagau**
**Kampung Piungan**

**Ketua Kampung Selangan, Parit Dan Biang Menengah, Mukim Amo**
**Kampung Selangan**
**Kampung Parit**
**Kampung Sibulu**
**Kampung Biang Menengah**
**Kampung Belaban**

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
01 / KKBS /
HK42 -2026 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**
Membekal Dan Menghantar Bendera Bagi Acara Menaikkan Bendera Besar Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-42, Tahun 2026
(Requotation)

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
11 September 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**JPt / TAW / 02 / 2025 - 2026:**
Membekal Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bagi Kawasan dan Bangunan-Bangunan Di Kawasan Kemajuan Pertanian Terunjing, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Selama Dua (2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND10.00 | Borang Tawaran BND15.00)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
30 September 2025

# PERATURAN PENGIKLANAN
## (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**
BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 87 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 88 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 89 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 90 / 2025 / PHARM(TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 91 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 92 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 93 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 94 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 95 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 96 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 97 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 98 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Tarikh Tutup:**
2 September 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang

## JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0023 / 2025
To Supply And Delivery A Customized Crab And Lobster Measurement Gauge

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
18 September 2025
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan**

**DA / JKSH / 84 / 2025 / 2026 [AKS-OGOS-2025]**
Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong,
Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.
Tempoh Perkhidmatan: 60 Bulan

**DA / JKSH / 85 / 2025 / 2026 [AKS-OGOS-2025]**
Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi Sekolah Rendah Tungku,
Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.
Tempoh Perkhidmatan: 60 Bulan

**DA / JKSH / 86 / 2025 / 2026 [AKS-OGOS-2025]**
Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi Sekolah Rendah Rimba III,
Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.
Tempoh Perkhidmatan: 60 Bulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Isnin,
8 September 2025
Jam 9.00 Pagi

**Kategori:**
Syarikat-Syarikat Yang Diterima Adalah Syarikat-Syarikat Agensi Pengawal Keselamatan Yang Berdaftar Di Bawah Kawalan
Bahagian Pelesenan Agensi Pengawal Keselamatan (BPAPK), Pasukan Polis Diraja Brunei.

## JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Bilangan Sebut Harga:**
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 02

**Tajuk Sebut Harga:**
Permohonan Pembelian Barangan Promosi Dan Advokasi Bagi Jabatan Perangkaan

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
3 September 2025
Jam 9.00 Pagi

## JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran:**
PPB / QTN / AAU /2025 / 04

**Tajuk Tawaran:**
Landscaping Maintenance and Grass Cutting For A Period of 24 Months at Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Buka Tawaran:**
Rabu, 20 Ogos 2025

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
3 September 2025
2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
63 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025

Fortigate License Renewal For Ministry Of Religious Affairs (MoRA) Headquarters
And Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
3 September 2025,
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / PPS(A) / 2025-2026
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'A'
1. Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit
2. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Masna
3. Sekolah Tinggi Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / PPS(G) / 2025-2026
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'G'
1. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas
2. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop
3. Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil
4. Sekolah Ugama Lambak Kanan
5. Sekolah Ugama Madang
6. Sekolah Ugama Salambigar
7. Sekolah Ugama Tanah Jambu
8. Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jalan 77

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / PPS(H) / 2025-2026
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'H'
1. Ma'had Islam Brunei, Tutong
2. Sekolah Ugama Tanjong Maya, Tutong
3. Pejabat Pengajian Islam Daerah Tutong

**Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M**

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
10 Rabiulawal 1447H /
3 September 2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 474 / 2009**

**Baiduri Finance Berhad (Previously Filed By HSBC Finance (B) Berhad) Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Rahimah Binti Hj Ghani (BYIC NO. 00-127506) Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **14 Januari 2010 telah dibatalkan pada 29 Mac 2025.**

**Nama Penghutang: Rahimah Binti Hj Ghani**

**Alamat Penghutang: No. 3, Simpang 35, Jalan Basong, STKRJ Kampung Lugu, BG3021, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh: 7 April 2025**

**Kes No. BCY / CP / 291 / 2017**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Iswandi Bin Mahmood / Mahmud (BYIC NO.: 00-269697) **Alamat –** No. 9, A5, Simpang 636- 29, Teres Kampung Beribi, Jalan Jangsak, Gadong, BE1118, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 291 Tahun 2017 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 100 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir **Bila kena dibayar –** 21 Mac 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:** 8 April 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**Kes No. BCY / CP / 344 / 2005**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Bakri Bin Haji Mustapha @ Haji Tuah – Penghutang Penghakiman Kedua (BYIC NO: 00-073395) **Alamat -** No.9, Jalan 82, Simpang 82-11, RPN Rimba Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 344 Tahun 2005 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 39 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Kedua **Bila kena dibayar –** 13 Mac 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh: 8 April 2025**

**Dk. Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin Timbalan Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam**

**Kes No. BCY / CP / 383 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Mokhtar Bin Ismail (BYIC NO. 00-125091) **Alamat –** No. 10-875, Kg Jangsak, Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 383 Tahun 2016 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 40 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Pertama **Bila kena dibayar –** 27 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh: 8 April 2025**

**Kes No. BCY / CP / 601 / 2010**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Sumardy Bin Haji Mohamed (BYIC NO.: 00-272577) **Alamat –** No. 4, Jalan 11, Spg 63, Kg Perpindahan Lambak Kanan BC2915, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 601 Tahun 2010 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 12 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Pertama **Bila kena dibayar –** 21 Mac 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh: 8 April 2025**

**Nuuror-Raheebah Haji Abd Wahab Timbalan Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam**

**Kes No. BCY / CP / 104 / 2014**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang –** Ya-Alenawaty Binti Haji Mohd Yusof (BYIC NO. 00-114162) **Alamat –** No. 23, Simpang 63-21, Jalan 99, RPN Kampung Rimba, Jalan Tungku Link, Gadong BE3391, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 104 Tahun 2014 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 64 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Kedua **Bila Kena Dibayar –** 17 Mac 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh: 8 April 2025**

**Kes No. BCY / CP / 122 / 2019**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang –** Mohamad Ibnu Bin Haji Latip (BYIC NO. 01-070633) **Alamat –** Lot 27414, Kg Selayun Tagap, Mukim Sengkurong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 122 Tahun 2019 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 54 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 12 Mac 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh: 8 April 2025**

**Muhammad Syafiq Bin Awang Hj Zakaria Timbalan Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam**

**Kes No. BCY / CP / 190 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Sarimah Binti Haji Kadir – Penghutang Penghakiman Kedua (BYIC NO.00-254987) **Alamat –** No.120, Rumah Teres, RPN Kg Tanah Jambu, Jalan Binglu Selatan BU1129, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 190 Tahun 2009 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 100 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir **Bila Kena Dibayar –** 19 Mac 2025 **Dimana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh: 8 April 2025**

**Kes No. BCY / CP / 326 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Sulaiman Bin Haji Tahir (Allahyarham) (BYIC NO. 00-045413) **Alamat –** No. 5, Simpang 39-60-3, RPN Kampung Pandan, Kuala Belait KA1931, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 326 Tahun 2009 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 46 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir **Bila Kena Dibayar –** 21 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh: 9 April 2025**

**Kes No. BCY / CP / 156 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Iskandar Zulkarnain Bin Julaihi (BYIC NO. 00-076179) **Alamat –** No: 14, Spg: 15, Jalan Kecil Padnunok, Kampong Lamunin, TG2343, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 156 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 63 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 14 Mac 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh: 9 April 2025**

**Kes No. BCY / CP / 482 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Norsiah Binti Hj Abdul Gapar (BYIC NO. 00-061919) **Alamat –** No. 14, Spg. 1185-73-180, RPN Bukit Beruang, Tutong TC3345, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 482 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 83 % **Pertama atau terakhir selainnya –** Terakhir **Bila Kena Dibayar –** 6 Mac 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh: 9 April 2025**

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/p Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**Kes No. BCY / CP / 471 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga Dan Terakhir**

**Nama Penghutang** - Haji Ja'afar Bin Haji Yusof (BYIC NO: 00-114499) **Alamat** – No. 17, Simpang 616 Jalan Kecil Masin , Simpang 9, Kampong Masin, Mukim Pengkalan Batu, BH2723, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 471 Tahun 2016 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 100 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila Kena Dibayar** – 12 Mac 2025 Di Mana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:** 8 April 2025

**Kes No. BCY / CP / 65 / 2003**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Awang Mohd Maidin Bin Haji Munchit (BYIC NO. 00-063474) **Alamat** – No. 32, Jalan Kamangsi Selatan, RPN Kg Meragang BT2728, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 65 Tahun 2003 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 91 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Pertama **Bila Kena Dibayar** – 12 Mac 2025 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:** 8 April 2025

Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

**JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tajuk Tawaran Ruang Kedai:** Pemberitahuan Tawaran Ruang Kedai Kosong kepada Pengusaha-Pengusaha di Bangunan Kedai Rakyat Jati, Pekan Bangar Temburong.

**Tarikh Tutup:** Khamis, 20 September 2025

**Kedai Rakyat Jati**

**No. Ruang Kedai:** Unit 4

**Keluasan:** 21.16m2

**Tajuk Tawaran Ruang Kedai:** Pemberitahuan Tawaran Ruang Kedai Kosong kepada Pengusaha-Pengusaha di Kompleks Utama Bumiputera, Kompleks Perniagaan Bumiputra, Bangunan Pasar (Makan dan Minum), Pekan Bangar, Temburong.

**Tarikh Tutup:** Khamis, 20 September 2025

**Kompleks Utama Bumiputera**

**No. Ruang Kedai:** No. A1-5, Tingkat Satu

**Sewa Bulanan:** BND100.00

**No. Ruang Kedai:** No. C2, Tingkat Bawah (Permohonan Untuk Kedai Dobi)

**Sewa Bulanan:** BND300.000

**No. Ruang Kedai:** No. C1-2. No. C1-4 Dan No. C1-7, Tingkat Satu

**Sewa Bulanan:** BND70.00

**Kompleks Perniagaan Bumiputra**

**No. Ruang Kedai:** No. B6, Tingkat Satu

**Sewa Bulanan:** BND100.00

**No. Ruang Kedai:** No. C5, Tingkat Dua

**Sewa Bulanan:** BND80.00

**Gerai Makan Dan Minum, Bangunan Pasar**

**No. Ruang Kedai:** No. 8, Tingkat Satu

**Sewa Bulanan:** BND300.00



# IMBASAN MINGGUAN




SEBAHAGIAN daripada reruai kopi dan matcha yang ada pada acara IN:Stall @YDC CoffeeBiz 2025 yang diadakan sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-20. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

PARA graduan Kolej International Graduate Studies (KIGS) gembira setelah menerima ijazah masing-masing. - Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan.

MEREKA yang berada di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong termasuklah peserta persembahan khas tidak melepaskan peluang merakamkan gambar kenangan sebagai ingatan pada masa akan datang. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

DEMONSTRASI Muay Thai iaitu seni bela diri asal Thailand dipersembahkan sempena The 9th Thailand Bazaar and Cultural Week. - Foto : Nurdiyanah Rajami.

AKSI peserta pada Peringkat Akhir Pertandingan Gulintangan Antara Sekolah-sekolah Menengah, Maktab-maktab dan Pusat Tingkatan Enam Senegara Tahun 2025. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

SEBAHAGIAN pelajar ketika menyaksikan Jerayawara Kesedaran Kewangan bersempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD) 2025. - Foto : Azmah Haji Ahad.




# Hospital RIPAS : 41 tahun menyediakan perkhidmatan terbaik untuk rakyat

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

**HOSPITAL** Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS) merupakan hospital utama dan terbesar di Negara Brunei Darussalam yang dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam pada 28 Ogos 1984. Pelbagai kemajuan serta pembaharuan telah dilaksanakan sejak penubuhannya menerusi aspek infrastruktur, perkhidmatan serta perancangan rapi agar dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih komprehensif dan efisien.

Hospital RIPAS terletak di atas tapak seluas 17 hektar (42 ekar) yang terletak sejauh 0.8 kilometer (0.50 batu) dari pusat bandar Bandar Seri Begawan, ibu negara Brunei Darussalam. Tapak ini juga terletak berhampiran dengan tebing Sungai Kedayan, yang memberikan akses pengangkutan air kepada penduduk Kampong Ayer di Sungai Brunei.

Hospital RIPAS telah berjaya menikmati perkembangan dari aspek perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran yang semakin bertambah misalnya Pusat Diabetes, Pusat Entomologi dan juga berbagai-bagai lagi perkhidmatan dan pembaharuan yang telah pun disediakan.

Hospital RIPAS juga merupakan pusat makmal rujukan kebangsaan untuk Kimia Klinikal, Hematologi, Transfusi Darah, Mikrobiologi Klinikal, Histologi, Sitologi dan Imunologi. Ia juga merupakan pusat perkhidmatan sokongan lain seperti Derma Darah, Ujian Point-of-Care dan Phlebotomy.

Ke arah memberikan perkhidmatan perubatan yang lebih berkualiti dan komprehensif bagi pesakit yang mengalami penyakit Akut, Unit Perubatan Akut (Acute Medical Unit) ditubuhkan pada 1 Disember 2011. Dengan penubuhan unit ini, pesakit yang tenat dapat dikenal pasti dan dirawat dengan cepat dan berkesan.

Sebagai sebuah hospital kesihatan yang bertaraf antarabangsa, Hospital RIPAS juga melaksanakan Projek Pelaksanaan Sistem Maklumat dan Pengurusan Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam (Bru-HIMS) yang dimulakan pada Mei 2013, berkonsepkan 'Satu Pesakit Satu Rekod' bagi menggantikan sistem manual yang kurang efisien dan lengkap. Kelebihan dan manfaat sistem Bru-HIMS ini ialah data maklumat pesakit boleh diperoleh dengan lebih mudah dan cepat malah rekod pesakit mudah diakses di kesemua pusat kesihatan di negara ini. Ini dapat mengurangkan masa bagi perjumpaan pesakit dengan pegawai perubatan.

### Tambahan infrastruktur Hospital RIPAS

Antara bangunan tambahan yang dibina untuk kemudahan orang ramai ialah Bangunan Klinik Pakar pada tahun 1998. Salah satu peningkatan taraf kemajuan Hospital RIPAS ialah dengan pembinaan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital RIPAS pada tahun 2014 dan telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha pada 2015. Pusat tersebut dilengkapi dengan peralatan perubatan moden dan fasiliti-fasiliti yang lebih kondusif, canggih, terkini dan mengikut piawaian antarabangsa bagi memperkesankan lagi penjagaan kesihatan yang komprehensif, terbaik, berkualiti dan efektif kepada para pesakit khususnya wanita dan kanak-kanak.

### Antara kejayaan Hospital RIPAS

Kejayaan terbesar Hospital RIPAS dengan menempa sejarah yang memberangsangkan apabila berjaya melaksanakan pemindahan buah pinggang dan pembedahan lutut (ortopedik), di samping memperkenalkan perkhidmatan bagi yang kurang pendengaran dengan menyediakan peralatan *implant* bagi membantu mereka memudahkan mendengar.

Pencapaian signifikan hospital ini dalam pemberian perkhidmatan komprehensif telah berupaya mengendalikan Prosedur Ballon Atrial Septostomy dengan berpandukan Echocardiography buat pertama kalinya pada tahun 2005 di Unit Neonatal ke atas seorang anak damit baru lahir yang mengalami masalah Kongenital Transposisi Pembuluh Darah Besar, sejenis penyakit jantung kongenital. Prosedur ini merupakan langkah sokongan sementara sehingga pesakit dirujuk untuk pembedahan jantung definitif yang hanya boleh dilakukan di luar negara.

Bukan setakat itu sahaja, bahkan pada tahun 2007, pembedahan tulang yang pertama berjaya dilaksanakan. Pembedahan ini membantu pesakit memperbetulkan kepincangan pada kecacatan kaki yang sebelumnya pendek dan memperbaiki gaya berjalan serta pergerakan pesakit yang menghidapi penyakit tersebut.

Kejayaan dalam perkhidmatan perubatan ini hanya sebahagian sahaja yang dicatatkan di sini.

### Kelengkapan canggih

Dengan mempunyai dan dilengkapi pelbagai peralatan dan perkakas moden yang terkini serta canggih seperti peralatan pengimbas MRI, Hospital RIPAS berupaya memberikan perkhidmatan yang benar-benar berkesan, di samping untuk mempertingkatkan lagi kualiti efisiensi perkhidmatan kepada pesakit yang memerlukan perkhidmatan berkenaan.

Pada tahun 2011 ini juga, Jabatan Radiologi memperolehi mesin Magnetic Resonance Imaging (MRI) berkuasa 3 Tesla, ia digunakan untuk melihat struktur organ dalaman tanpa radiasi. Imej dari MRI ini dihasilkan melalui kaedah medan magnet yang kuat dan gelombang audio.

### Sumber tenaga manusia

Dari aspek sumber tenaga manusia, semakin banyak anak-anak tempatan telah berjaya mempunyai kelulusan kepakaran dan kemahiran dalam kalangan doktor tempatan misalnya kepakaran dalam ortopedik, pediatrik, onkologi, ginekologi dan berbagai-bagai lagi sekali gus membuktikan dari aspek sumber tenaga manusia telah berjaya dikembangkan secara berterusan. Apa yang lebih membanggakan lagi Hospital RIPAS mencapai pengiktirafan tinggi dari aspek pendidikan perubatan sebagai Hospital Pengajar (Teaching Hospital) bertaraf Antarabangsa dari University of Queensland, Australia pada tahun 2000 dan pada tahun 2003 Jabatan Obstetrik dan Ginekologi menerima pengiktirafan dari Royal College of Obstetrics and Gynaecology, United Kingdom.

### Antara kemudahan yang disediakan

Bagi mengurangkan masalah letak kereta pengunjung Hospital RIPAS, perkhidmatan *shuttle bus* telah disediakan bagi memudahkan orang ramai pergi dan balik ke Hospital RIPAS. Inisiatif ini memudahkan orang ramai walaupun tempat letak kereta berbayar juga telah disediakan di kawasan Hospital RIPAS.

Hospital RIPAS menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif, persekitaran yang kondusif, kelengkapan yang canggih serta layanan yang efisien bagi semua rakyat dan penduduk di negara ini yang memerlukan rawatan. Bangunan yang megah menjadi simbol pada perkhidmatan kesihatan yang eksklusif di negara ini.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI




# Pelancongan halal berteraskan Maqasid Syariah : Brunei ke arah destinasi Islamik bertaraf dunia

**Oleh : Nor Surilawana Sulaiman, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Infografik : Ihsan Nor Surilawana Sulaiman**

PELANCONGAN di Negara Brunei Darussalam (NBD) bukan sahaja menjadi sumber ekonomi yang penting, malah ia juga merupakan medan untuk memperkukuh nilai-nilai Islam yang menjadi teras kehidupan rakyat Brunei. Dengan kekuatan dasar berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan pelaksanaan syariah Islam dalam pentadbiran negara, NBD menampilkan satu model pelancongan yang bukan sahaja mementingkan pematuhan syariah, bahkan berpaksikan nilai-nilai Maqasid Syariah yang holistik dan menyeluruh.

Kerangka Maqasid Syariah yang terdiri daripada lima prinsip utama iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, telah dikenal pasti sebagai landasan penting dalam merangka ekosistem pelancongan halal di negara ini. Pendekatan ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada pengalaman pelancong Muslim, malah menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan yang lebih lestari, beretika dan inklusif.

### Penerapan Maqasid Syariah dalam pelancongan Brunei

Penerapan prinsip Maqasid Syariah dalam pelancongan Brunei dapat dilihat dalam pelbagai aspek. Pelancongan di NBD direka agar sentiasa menghormati dan memelihara agama Islam. Ini termasuk penyediaan perkhidmatan yang mematuhi syariah seperti penyediaan makanan yang telah disahkan halal dengan pensijilan halal, kemudahan solat, penawaran pakej pelancongan yang tidak melibatkan aktiviti tidak syarie dan persekitaran yang selamat serta bersih daripada unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam. Pendekatan ini bukan sahaja memberi keselesaan kepada pelancong Muslim tetapi juga menonjolkan identiti masyarakat Brunei yang berteraskan nilai Islam sejati.

Pemeliharaan nyawa dan kesejahteraan pula dipelihara menerusi penyediaan persekitaran pelancongan yang bersih, selamat serta perkhidmatan kesihatan yang mudah diakses. Selain itu, industri pelancongan dan hospitaliti di NBD mengutamakan etika dan sikap mesra pelanggan yang menggabungkan nilai Muhibah, Etika, Senyum, Ramah dan Adil (MESRA), sejajar dengan falsafah MIB. Ini menjadikan NBD destinasi yang bukan sahaja menarik dari segi fizikal tetapi juga dari segi pengalaman sosial dan rohani.

Pelancongan di NBD juga berperanan sebagai medium untuk menyebarkan ilmu dan kefahaman tentang Islam serta budaya tempatan dalam usaha memelihara akal. Contohnya, pameran dan program berkaitan warisan Islam seperti di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah memberi peluang kepada pelancong untuk menambah ilmu dan menghargai nilai-nilai Islam yang menjadi asas negara ini. Ini sejajar dengan tujuan Maqasid Syariah memelihara akal dengan menggalakkan pembelajaran dan pemikiran yang sihat.

Di samping itu, peranan penyedia perkhidmatan pelancongan yang beretika serta memahami adab dan budaya pelancong Islam turut mencerminkan pemeliharaan maruah dan nilai manusiawi. Selain itu, turut memastikan interaksi antara pelancong dan masyarakat tempatan berlangsung dalam suasana yang harmoni dan saling menghormati. Pelancongan yang berteraskan Maqasid Syariah menggalakkan pelancong untuk menghargai adat resam dan nilai keluarga yang menjadi tunjang masyarakat Brunei, sekali gus memelihara maruah dan identiti bangsa.

Pelancongan halal yang berasaskan Maqasid Syariah turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan. Dengan mempromosikan pelancongan yang patuh syariah, Brunei dapat menarik pelancong Muslim dari seluruh dunia, seterusnya merangsang pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta meningkatkan pendapatan negara secara berterusan. Pendekatan ini juga memastikan sumber pelancongan dikendalikan secara bertanggungjawab tanpa menjejaskan alam sekitar dan warisan budaya.

### Peranan institusi dan dasar negara

Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) adalah merupakan entiti kerajaan yang berperanan penting dalam pelaksanaan atau membangunkan kerangka pelancongan halal di NBD. Selain itu, institusi akademik seperti Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga memainkan peranan penting dalam menjalankan kajian, membangunkan modul latihan dan memberi input dasar untuk memperkukuhkan kerangka pelancongan halal negara.

Salah satu cadangan utama yang diketengahkan oleh kajian UNISSA adalah keperluan untuk menggubal satu kerangka dasar pelancongan halal kebangsaan yang berteraskan Maqasid Syariah. Kerangka ini dijangka dapat memberikan panduan yang lebih menyeluruh dan konsisten kepada semua pemain industri pelancongan, dari sektor kerajaan hingga ke pihak swasta. Rajah berikut merupakan rangka pelancongan halal berlandaskan Maqasid Syariah yang telah diterbitkan oleh Pensyarah UNISSA, Norkhairiah Hashim, Nor Surilawana Sulaiman berserta pelajar Hamizah Muslim.

### Peluang ekonomi dan tanggungjawab sosial

Pelancongan halal berasaskan Maqasid Syariah memberikan potensi besar kepada Brunei dalam menarik pelancong dari rantau ASEAN, Timur Tengah dan pasaran Muslim global. Pelancongan halal yang berpaksikan Maqasid Syariah bukan hanya menjamin pelancongan yang sah dari segi syariah, tetapi juga menyumbang kepada kelestarian ekonomi, perlindungan pengguna dan tanggungjawab sosial. NBD mempunyai pelbagai kelebihan seperti kestabilan politik, persekitaran bersih, masyarakat mesra dan warisan Islam yang kuat.

### Sambutan pelancong dan cabaran

Skor Global Muslim Travel Index (GMTI) NBD pada tahun 2024 adalah 66, meletakkannya di tempat ke-9 antara destinasi Organisation of Islamic Cooperation (OIC). Menurut Crescent Rating, indeks tersebut mengukur daya tarikan destinasi untuk pelancong Muslim berdasarkan beberapa faktor, terutamanya dari segi keselamatan, ketersediaan makanan halal dan akses kepada kemudahan solat. NBD telah menyaksikan lonjakan enam tempat berbanding tahun sebelumnya, 2023, dengan markah yang lebih baik dalam keselamatan am (92), makanan halal (90), dan akses ke tempat solat dan lapangan terbang (kedua-duanya dengan markah 100 yang sempurna).

Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekangan promosi antarabangsa, kekurangan destinasi rekreasi yang lebih pelbagai, serta keperluan hiburan yang patuh syariah perlu ditangani secara strategik. Penglibatan aktif sektor swasta, pembangunan infrastruktur pelancongan yang inovatif serta kerjasama serantau adalah penting untuk memastikan daya saing NBD dalam pasaran global.

### Brunei sebagai destinasi zikir

Dengan kekuatan nilai-nilai Islam yang mendasari kehidupan masyarakatnya, NBD memiliki segala potensi untuk dikenali sebagai sebuah Negara Zikir, iaitu destinasi yang bukan sahaja menawarkan pelancongan berlandaskan syariah tetapi juga menghubungkan pelawat dengan ketenangan spiritual, nilai kemanusiaan dan keindahan ciptaan Ilahi.

Integrasi Maqasid Syariah dalam pelancongan bukanlah satu pilihan semata-mata, malah ia adalah keperluan bagi memastikan pelancongan terus berkembang dalam acuan Islam yang seimbang, adil dan berwawasan. Dengan hala tuju yang jelas dan sokongan dasar yang mantap, NBD mampu menjadi peneraju pelancongan halal yang autentik dan dihormati di pentas dunia.

### Penutup

Pelancongan di NBD bukan sahaja sebuah industri tetapi juga sebuah manifestasi nilai-nilai Islam yang kukuh melalui prinsip Maqasid Syariah. Dengan memelihara agama, kehidupan, akal, keturunan dan harta, NBD bukan sahaja menjadikan pelancongan sebagai sumber ekonomi tetapi juga sebagai wadah memperkukuh jati diri dan identiti Islam yang unik. Usaha berterusan dalam memperkasakan elemen Maqasid Syariah dalam pelancongan akan memastikan negara terus maju seiring dengan Wawasan Brunei 2035 yang menekankan kesejahteraan dan kemakmuran berteraskan nilai Islam.

BERITA GLOBAL

# BRAZIL PERTIMBANG KENAKAN TARIF BALAS KE ATAS IMPORT AS

**BOGOTA (Colombia)**, 30 Ogos. - Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva pada Jumaat mengumumkan bahawa negaranya sedang mempertimbangkan untuk mengenakan tarif balas terhadap Amerika Syarikat (AS), lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik media tempatan.

Menurut laporan, langkah itu diambil selepas Presiden Donald Trump melaksanakan tarif 50 peratus ke atas import dari Brazil.

"Ini adalah satu proses yang mengambil sedikit masa," kata Lula dalam wawancara bersama radio Itatiaia.

"Kita perlu memberitahu Amerika Syarikat bahawa kita juga mempunyai tindakan yang boleh diambil terhadap mereka," katanya.

Dewan Perdagangan Luar (Camex), iaitu majlis pelbagai kementerian, mempunyai tempoh 30 hari untuk memutuskan sama ada akan mengenakan tarif balas ke atas AS, sebagaimana dibenarkan di bawah undang-undang timbal balas baharu.

Undang-undang timbal balas yang diluluskan sebulat suara oleh Kongres pada April lalu membenarkan kerajaan melaksanakan tindakan balas terhadap tindakan unilateral, dasar, atau amalan oleh sebuah negara atau blok ekonomi yang memberi kesan negatif terhadap daya saing Brazil.

Jika diluluskan, sekumpulan pakar akan merangka cadangan tindakan balas, termasuk tarif balas. Kementerian Luar Brazil kemudian akan memaklumkan secara rasmi kepada kerajaan AS, memberikan peluang kepada Washington untuk memberi maklum balas sepanjang siasatan.

Kementerian itu berkata saluran diplomatik masih terbuka untuk merundingkan penyelesaian berkaitan tarif berkenaan. Tarif yang berkuat kuasa pada 6 Ogos lalu itu disifatkan Presiden Trump sebagai langkah politik, dengan merujuk kepada dakwaan pendakwaan kehakiman terhadap bekas Presiden Jair Bolsonaro.

Bolsonaro, yang menerajui Brazil dari 2019 hingga 2023, kini berdepan beberapa siasatan undang-undang selepas meninggalkan jawatan, termasuk tuduhan merancang untuk menolak keputusan pilihan raya 2022 yang dimenangitipis oleh Lula.

Pada Jumaat, Lula sekali lagi menegaskan bahawa beliau terbuka kepada rundingan dengan AS, sambil berkata beliau tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan tarif balas.

"Saya tidak terburu-buru. Apa yang saya mahu adalah berunding," katanya.

Tidak seperti kebanyakan negara lain yang dikenakan tarif punitif oleh Washington, AS sebenarnya mempunyai lebihan dagangan dengan Brazil, yang telah mengemukakan rayuan kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk mencabar tarif punitif berkenaan. Jumlah dagangan barangan dan perkhidmatan antara kedua-dua negara mencecah hampir AS$127.6 bilion tahun lalu, meningkat berbanding 2023.

Sejak tarif itu berkuat kuasa pada Ogos, hubungan antara kedua-dua negara berada pada tahap buntu. - ©BERNAMA

# Penyelidik Jepun dapati sotong dominasi lautan zaman Kapur purba

**TOKYO**, 30 Ogos. - Sekumpulan penyelidik di sebuah universiti Jepun mendapati lautan dunia pada zaman Kapur, kira-kira 70 juta hingga 100 juta tahun lalu, didominasi oleh sotong, lapor Agensi Berita Kyodo.

Dalam laporan yang diterbitkan baru-baru ini dalam jurnal Science oleh penyelidik dari Jabatan Sains Bumi dan Planet di Universiti Hokkaido, bukti menunjukkan sotong jauh melebihi jumlah ammonit dan ikan -berlawanan dengan andaian sebelum ini.

Sebagai haiwan bertubuh lembut, sotong jarang menjadi fosil, dengan kebiasaannya hanya paruh yang kekal selepas pereputan.

Pasukan penyelidik itu membangunkan teknik menghasilkan semula imej tiga dimensi digital bagi fosil terkecil dengan mengambil gambar hirisan batu setebal satu per seratus milimeter secara berulang kali.

Daripada analisis batu zaman Kapur yang ditemui di pulau utama utara Jepun, Hokkaido, pasukan itu mengenal pasti 263 fosil paruh sotong dengan purata panjang kira-kira empat milimeter.

Berdasarkan bentuk paruh tersebut, pasukan itu dapat mengelaskan sotong kepada 40 spesies, sebahagiannya menyerupai sotong moden.

Pemerhatian terhadap batu dari zaman berbeza menunjukkan sotong muncul sekitar 100 juta tahun lalu dan berkembang pesat dalam tempoh kira-kira enam juta tahun.

Dipercayai populasi mereka meningkat sehingga mengatasi ammonit yang ketika itu amat berkembang.

Berbeza dengan ammonit bercengkerang, sesama haiwan 'cephalopod', sotong dipercayai berevolusi dengan keupayaan berenang pantas dan kecerdasan yang memberi kelebihan untuk mendapatkan makanan, menurut pasukan berkenaan.

Sotong membina kedudukan dalam ekosistem marin lebih awal daripada ikan dan paus, berkembang selepas peristiwa kepupusan besar pada akhir zaman Kapur, dan kekal sebagai spesies utama sehingga hari ini, katanya. - ©BERNAMA

# WHO beri amaran wabak kolera global semakin meruncing

**GENEVA**, 30 Ogos. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Jumaat mengumumkan bahawa wabak kolera meningkat mendadak di 31 negara tahun ini dengan lebih 400,000 kes baharu direkodkan, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

WHO dalam satu kenyataan berkata situasi kolera global terus merosot, didorong oleh konflik dan kemiskinan.

Menurut WHO konflik, perpindahan besar-besaran, bencana alam dan perubahan iklim memburukkan lagi penularan penyakit itu, khususnya di kawasan luar bandar dan wilayah dilanda banjir, yang berdepan infrastruktur daif serta akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan sehingga menyebabkan kelewatan rawatan.

WHO berkata pihaknya merekodkan kira-kira 409,222 kes dan 4,738 kematian di seluruh dunia dari awal tahun hingga 17 Ogos.

Walaupun jumlah kes menurun sebanyak 20 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, kadar kematian meningkat sekitar 46 peratus. WHO turut menekankan risiko penularan dalam negara kekal amat tinggi memandangkan skala, tahap keseriusan dan sifat saling berkait antara wabak tersebut.

Kadar kematian di enam negara melebihi 1 peratus, sekali gus mendedahkan jurang serius dalam pengurusan kes serta kelewatan mendapatkan rawatan.

WHO turut mendedahkan bahawa kolera kembali dikesan di negara yang tidak melaporkan jumlah besar kes selama bertahun-tahun, termasuk Republik Congo dan Chad, yang mencatat kadar kematian tertinggi di dunia iaitu masing-masing 7.7 peratus dan 6.8 peratus.

Sudan kekal sebagai negara paling terjejas di dunia akibat kolera, dengan lebih 2,400 kematian direkodkan tahun ini di 17 daripada 18 negerinya.

Kolera kebiasaannya disertai cirit-birit akut akibat pengambilan air atau makanan yang tercemar bakteria Vibrio cholerae. Penyakit ini boleh dirawat dengan mudah, khususnya melalui rehidrasi pesakit, namun boleh menyebabkan kematian dalam beberapa jam jika tidak dirawat. - ©BERNAMA

# Hungary, Mesir anjur Kejohanan Dunia Pentatlon 2027 dan 2028

**GENEVA**, 30 Ogos. - Budapest di Hungary akan menjadi tuan rumah Kejohanan Dunia Pentatlon 2027 manakala Kaherah di Mesir akan menganjurkan edisi 2028, umum Union Internationale de Pentathlon Moderne (UIPM) pada Jumaat, lapor Xinhua.

Lembaga Eksekutif (EB) UIPM yang bermesyuarat di Kaunas, Lithuania pada 27 hingga 28 Ogos membuat pelbagai keputusan penting berkaitan masa depan sukan UIPM.

Amerika Syarikat (AS) pula kembali sebagai tuan rumah Piala Dunia Pentatlon menjelang Sukan Olimpik LA28 apabila West Hollywood di Los Angeles dipilih menganjurkan satu daripada empat pusingan musim biasa siri Piala Dunia pada 2027.

West Hollywood juga akan menjadi tuan rumah Kongres UIPM 2028 yang bersifat pemilihan, manakala Kongres 2026 yang bukan pemilihan akan dibuka kepada perwakilan dalam talian di Monaco.

Presiden UIPM Rob Stull dalam satu kenyataan berkata: "Di Kaunas ini, kami memperlihatkan kepada dunia potensi hebat pentatlon baharu berteknologi tinggi kami, yang turut menjadi panduan kepada mesyuarat Lembaga Eksekutif yang penuh bertenaga. Sangat mengujakan apabila sukan kami berkembang ke sempadan baharu pada 2027 dan 2028, selain kembali ke negara yang pernah mencatat kenangan manis sebelum ini." - ©BERNAMA

# Gempa bumi lemah terus landa Segamat

**SEGAMAT**, 30 Ogos. - Gempa bumi lemah sekali lagi direkodkan di Segamat pagi ini dengan 2.7 pada skala Richter pada 7.29 pagi, menjadikan kejadian kali ini gegaran kelima dalam tempoh lapan hari di daerah itu.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan memaklumkan pusat gegaran berada di koordinat 2.5 darjah Utara dan 102.8 darjah Timur dengan kedalaman 10 kilometer.

"Kejadian ini berpusat kira-kira dua kilometer barat laut dari Segamat dan gegaran mungkin dirasai di sekitar daerah ini," menurut kenyataan berkenaan.

MetMalaysia memaklumkan pihaknya akan terus memantau keadaan berkenaan dari semasa ke semasa.

Sebelum ini, empat gegaran telah direkodkan di Segamat pada 6.13 pagi, 24 Ogos dengan 4.1 pada skala Richter; 8.59 pagi, Rabu (3.2); 7.56 malam, Khamis (2.5) dan 4.24 pagi semalam (3.4). - ©BERNAMA

# Angkor Wat dinobat destinasi pelancongan paling menarik Asia oleh TripAdvisor: PM Kemboja

**PHNOM PENH**, 30 Ogos. - Perdana Menteri Kemboja Hun Manet pada Sabtu berkata Angkor Wat telah dinobatkan sebagai destinasi pelancongan paling menarik di Asia oleh TripAdvisor, lapor Xinhua.

Perdana menteri itu mengumumkan perkara berkenaan menerusi hantaran teks di platform media sosial rasminya, bersama senarai 20 destinasi pelancongan terbaik Asia oleh TripAdvisor.

Angkor Wat merupakan antara kuil utama dalam Taman Arkeologi Angkor yang diiktiraf UNESCO di wilayah barat laut Siem Reap. Taman berkeluasan 401 kilometer persegi itu menempatkan 91 kuil purba yang dibina dari Abad Ke-9 hingga Abad Ke-13.

Taman purba berkenaan, yang merupakan destinasi pelancongan paling popular di negara Asia Tenggara itu, menarik sejumlah 618,771 pelawat antarabangsa dalam tempoh tujuh bulan pertama 2025, meningkat 5.8 peratus berbanding tahun sebelumnya, menurut laporan Angkor Enterprise milik kerajaan.

Tapak tersebut memperoleh hasil sebanyak US$28.6 juta daripada jualan tiket dalam tempoh Januari hingga Julai tahun ini, juga meningkat 5.3 peratus berbanding tahun sebelumnya, tambah laporan itu. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# KERJASAMA PERTANIAN CHINA-KAZAKHSTAN MULA MEMBUAHKAN HASIL

**BEIJING**, 31 Ogos. - Pada musim panas, tanaman tumbuh subur di seluruh kawasan tanah luas di wilayah Kazakhstan Utara, Kazakhstan. Menjelang bulan September, kawasan ini akan dipenuhi dengan suasana meriah musim menuai.

Sebagai tindak balas aktif terhadap Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI), Kumpulan Industri Bijirin dan Minyak Aiju Xi'an dari China telah menubuhkan taman industri pertanian khusus untuk pemprosesan mendalam hasil tanaman tempatan di Kazakhstan Utara sedekad lalu.

Aiju, dengan kerjasama Universiti Pertanian dan Perhutanan Barat Laut China, sebuah universiti di Kazakhstan dan para petani tempatan, telah menubuhkan koperasi pertanian berasaskan model pertanian mengikut pesanan. Kumpulan ini turut melaksanakan mekanisme operasi rantaian penuh yang merangkumi penanaman, pengurusan, penuaian dan penyimpanan, yang terbukti berkesan dalam membimbing para petani tempatan mengenai penanaman tanaman.

Kini, taman logistik dan pemprosesan produk pertanian Aiju telah menjadi projek utama dalam kerjasama hijau China-Kazakhstan, serta menerima pengiktirafan tinggi daripada penduduk tempatan.

Kerjasama pertanian China-Kazakhstan di bawah BRI telah memberi manfaat kepada semakin ramai rakyat melalui perkhidmatan kereta api kargo. Sebuah kereta api kargo China-Eropah yang membawa 1,300 tan produk tepung dari Kazakhstan tiba di taman logistik dan pemprosesan produk pertanian Aiju di Xi'an pada 10 Januari 2025.

Berlepas dari wilayah Kazakhstan Utara, kereta api kargo tersebut menuju terus ke taman logistik dan pemprosesan produk pertanian Aiju di Pelabuhan Antarabangsa Chanba Xi'an, mencapai penghantaran "dari pintu ke pintu" antara gudang di kedua-dua negara. Ini secara signifikan meningkatkan kecekapan pengangkutan kargo dan mengurangkan kos bagi perusahaan.

Kejayaan yang dicapai oleh Aiju bukan sahaja membolehkan produk pertanian berkualiti tinggi dari Kazakhstan memasuki pasaran China tetapi juga memperkasakan penaiktarafan industri tempatan dengan teknologi dari China. - ©XINHUA



SEORANG pengarah bengkel memeriksa proses pengeluaran di taman logistik dan pemprosesan produk pertanian Aiju di wilayah Kazakhstan Utara, Kazakhstan.

# Trump ancam campur tangan jika pihak berkuasa tempatan gagal bendung jenayah di Chicago

**WASHINGTON**, 31 Ogos. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump berjanji akan campur tangan di Chicago dengan langkah kawalan persekutuan sekiranya pihak berkuasa tempatan gagal menangani jenayah, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Enam orang terbunuh dan 24 lagi ditembak di Chicago hujung minggu lalu, namun JB Pritzker, gabenor Illinois yang lemah hanya berkata beliau tidak memerlukan bantuan untuk mencegah jenayah.

"Beliau TIDAK WARAS!!! Lebih baik beliau selesaikannya SEGERA, atau kami akan turun!" kata Trump dalam hantaran di Truth Social.

Trump sebelum ini pernah membenarkan pelaksanaan langkah serupa dengan penempatan Pengawal Kebangsaan di Washington serta di beberapa bandar utama lain.

Bagaimanapun, Datuk Bandar Chicago yang juga bandar terbesar di Illinois, Brandon Johnson menentang keras cadangan itu dan mengarahkan pentadbiran bawahannya supaya menolak sebarang cubaan pihak persekutuan mengambil alih kawalan bandar.

Dokumen yang ditandatangani oleh datuk bandar itu dipercayai lebih bersifat simbolik memandangkan kenyataan yang digunakan tidak jelas selain beliau tidak mempunyai kuasa mencukupi. - ©BERNAMA

# Jawatankuasa Arab-Islam kecam Amerika Syarikat berhubung pembatalan visa delegasi Palestin

**ISTANBUL**, 31 Ogos. - Sebuah jawatankuasa menteri Arab-Islam mengenai Gaza pada Sabtu menyatakan rasa kesal terhadap keputusan Amerika Syarikat (AS) menolak permohonan visa delegasi Palestin yang dijadual menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York bulan depan, lapor Anadolu Ajansi.

Dalam satu kenyataan, jawatankuasa itu menggesa pentadbiran AS mempertimbangkan semula keputusan berkenaan dan membatalkannya, sambil menekankan kepentingan menghormati kewajipan di bawah Perjanjian Ibu Pejabat PBB serta menyediakan ruang untuk dialog dan diplomasi.

Jawatankuasa itu turut menekankan keperluan menyokong Pihak Berkuasa Palestin dan Presidennya, Mahmoud Abbas dalam melaksanakan program reformasi pentadbiran serta komitmen yang telah ditegaskannya kepada para pemimpin dunia bagi menyokong keamanan dan memerangi keganasan, serta ekstremisme di tengah-tengah keadaan semasa yang menyaksikan peningkatan luar biasa terhadap rakyat Palestin.

Menurut jawatankuasa itu, sebarang langkah yang melemahkan Pihak Berkuasa Palestin hanya akan menjejaskan usaha damai dan mencetuskan konflik berpanjangan.

Pada Jumaat, Jabatan Negara AS mengumumkan pembatalan visa beberapa anggota Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan Pihak Berkuasa Palestin menjelang Perhimpunan Agung PBB, dengan alasan mereka gagal menolak "keganasan", menghasut keganasan serta meneruskan "kempen undang-undang" di Mahkamah Jenayah Antarabangsa serta Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Tindakan itu diambil ketika Perancis, United Kingdom, Kanada dan Australia mengumumkan hasrat mereka untuk mengiktiraf sebuah negara Palestin semasa mesyuarat agung itu berlangsung.

Jurucakap PBB Stephane Dujarric memberitahu wartawan bahawa pihaknya hanya mengetahui keputusan AS itu melalui laporan media dan akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Washington.

Beliau menegaskan semua perwakilan yang berhak menghadiri perhimpunan itu harus diberikan kebebasan untuk menyertainya.

Pada Sidang Kemuncak Tergempar Arab-Islam di Riyadh pada 11 Nov 2023, Turkiye, Palestin, Indonesia, Qatar, Mesir, Nigeria, Arab Saudi, Jordan serta setiausaha agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Liga Arab telah ditugaskan melaksanakan inisiatif antarabangsa bagi mencapai keamanan menyeluruh dan berkekalan di Gaza. Kemudian, Bahrain dan Emiriah Arab Bersatu turut menyertai usaha itu.

Jawatankuasa berkenaan, yang juga dikenali sebagai Kumpulan Perhubungan Gaza, telah mengadakan pelbagai inisiatif di ibu negara termasuk London, Paris, New York, Washington, Ottawa, Brussels, Oslo, Madrid, Kaherah dan Amman. - ©BERNAMA

# Misi PBB suarakan kebimbangan terhadap peningkatan kehadiran tentera sekitar Tripoli

**TRIPOLI**, 31 Ogos. - Misi Bantuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Libya (UNSMIL) pada Sabtu menyuarakan kebimbangan terhadap penempatan berterusan tentera dan senjata di sekitar ibu negara Tripoli, sambil memberi amaran bahawa perkembangan berbahaya itu boleh mendatangkan "kemudaratan besar" kepada orang awam, lapor Xinhua.

UNSMIL dalam satu kenyataan berkata rundingan mengenai pengaturan keselamatan di Tripoli sejak Jun lalu menunjukkan kemajuan, justeru menggesa semua pihak meneruskan dialog bagi menyelesaikan isu terbabit dengan segera serta berhemah bagi mengelak ketegangan atau ancaman terhadap keselamatan awam.

Badan dunia itu turut menegaskan bahawa peningkatan kehadiran tentera terbaharu "menimbulkan ketakutan meluas dalam kalangan penduduk Tripoli" dan sebarang penggunaan kekerasan berisiko mencetuskan pertempuran sengit di bandar yang padat penduduk.

UNSMIL berikrar akan terus menyokong usaha pengantaraan bagi mengekalkan gencatan senjata di Libya yang diumumkan pada Mei lalu.

Kenyataan itu dikeluarkan ketika ketegangan keselamatan di sekitar Tripoli semakin meningkat sejak malam Rabu, apabila pertempuran kecil dilaporkan berlaku di beberapa kawasan ibu negara.

Menurut laporan portal berita "The Libya Update" pada Sabtu, pihak berkuasa Libya memaklumkan kebanyakan penempatan tentera berkenaan adalah "aktiviti ketenteraan biasa." - ©BERNAMA

# Singapura : kanak-kanak 11 tahun yang dilaporkan hilang, ditemukan lemas

**SINGAPURA**, 31 Ogos. - Seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang dilaporkan hilang pada Jumaat (29 Ogos) di Singapura ditemukan lemas, menurut polis negara itu.

Polis Singapura (SPF) dalam kenyataan berkata mayat Muhammad Hairil Muhammad Effendi ditemukan terapung di laut berhampiran East Coast Park selepas pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 9.55 malam Sabtu.

"Sebaik tiba di lokasi, polis mendapati seorang kanak-kanak lelaki terapung di laut berdekatan East Coast Park sebelum dibawa naik ke darat oleh anggota Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF)," kata SPF.

Kanak-kanak itu disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh seorang paramedik.

Identiti mangsa kemudiannya disahkan oleh ahli keluarganya.

Polis berkata siasatan awal tidak mengesyaki sebarang perbuatan jenayah, namun siasatan lanjut sedang dijalankan.

"Bagi menghormati keluarga mangsa, orang ramai dinasihatkan agar tidak berkongsi sebarang video atau imej berkaitan si mati," menurut kenyataan itu.

Pada Sabtu, polis mengeluarkan hebahan awam berhubung kehilangan kanak-kanak itu, yang kali terakhir dilihat di kawasan Blok 29 Marine Crescent sekitar 11.05 pagi, 29 Ogos.

Menurut laporan The Strait Times, ibunya yang hanya mahu dikenali sebagai Ain berkata Muhammad Hairil merupakan kanak-kanak berkeperluan khas.

Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) seorang jiran menunjukkan kanak-kanak itu meninggalkan rumah mereka di Marine Terrace. - ©BERNAMA

# PUPUK SEMANGAT PERPADUAN MELALUI AKTIVITI RIADAH SIHAT

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan
Jabatan Daerah Tutong

**TUTONG**, Ahad, 31 Ogos. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Ukong telah menganjurkan Sukan Ria Keluarga 2025 bertempat di Kawasan Lapang Tamu Muafakat, Kampung Long Mayan, hari ini.

Acara ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung dan masyarakat setempat, di samping memupuk semangat perpaduan melalui aktiviti berunsur kekeluargaan dan riadah sihat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Sukan Ria Keluarga tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri, yang seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Sukan Ria 2025 keluarga MPM Ukong.

Pelbagai acara sukan dan aktiviti riang ria telah diadakan pada majlis tersebut sekali gus bagi sama-sama memeriahkan lagi suasana serta melibatkan penyertaan masyarakat daripada pelbagai peringkat umur.

Kehadiran ramai penduduk kampung dan masyarakat sekitar mencerminkan sokongan padu terhadap usaha MPM Ukong dalam menghidupkan nilai kebersamaan serta semangat gotong-royong.

Pihak penganjur berharap agar melalui acara sebegini, perpaduan masyarakat akan terus diperkukuhkan, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk membina komuniti harmoni dan sejahtera.





PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Sukan Ria Keluarga 2025. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong (atas dan atas kanan).

# JPK adakan Larian Amal Run for Inclusion

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**JERUDONG**, Ahad, 31 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas (JPK) dengan kerjasama Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP) telah mengadakan Larian Amal Run for Inclusion bersempena meraikan Ulang Tahun Penubuhan JPK Ke-30 Tahun yang diadakan bertempat di Jerudong Park Playground, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra.

Larian Amal ini dianjurkan bersempena Sambutan 30 Tahun Penubuhan JPK dengan tujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pendidikan khas dan pendidikan inklusif secara menyeluruh, di samping menggalakkan sokongan berterusan terhadap pelajar berkeperluan khas. Selain itu, acara ini juga bertujuan mengumpulkan dana yang akan disalurkan kepada Tabung Pendidikan Khas serta OKP.

Larian tersebut dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori Pertama : 1 kilometer Family Fun Walk yang melibatkan pelajar bersama ibu bapa dan penjaga. Manakala Kategori 2 : 3 kilometer Competitive Run khusus untuk pelajar berkeperluan khas dan Kategori 3 : 5 kilometer Competitive Run yang dibukakan kepada orang awam.

Di samping itu, para peserta dan orang ramai juga boleh mengikuti pelbagai aktiviti semasa larian amal ini seperti senam aerobik, jualan barangan *merchandise* JPK dan vendor-vendor undangan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pelbagai keperluan pembelajaran di sekolah.

Turut memeriahkan acara tersebut ialah ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pendidikan, para guru dari JPK, wakil-wakil persatuan badan bukan kerajaan yang memberi sokongan kepada pelajar berkeperluan khas, pelajar-pelajar berkeperluan khas di bawah seliaan JPK bersama ibu bapa dan penjaga mereka serta orang awam.




SUASANA Larian Amal Run for Inclusion bersempena meraikan Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Pendidikan Khas Ke-30 Tahun yang diadakan bertempat di Jerudong Park Playground (atas dan bawah).




# JPM melangkah ke separuh akhir



AKSI para pemain pada Kejohanan Bola Sepak Kementerian-kementerian merebut Piala Keputeraan 2025.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jawatankuasa Bola Sepak Piala Keputeraan 2025

**BERAKAS**, Sabtu, 30 Ogos. – Pasukan Bola Sepak Jabatan Perdana Menteri (JPM) lebih awal melangkah ke separuh akhir selepas berjaya menjinakkan Pasukan Bola Sepak Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan jaringan 3-2 pada Kejohanan Bola Sepak Kementerian-kementerian merebut Piala Keputeraan 2025 di Padang Kompleks Sukan, Berakas.

JPM akan menanti pemenang perlawanan suku akhir pertemuan juara Kumpulan 'C', Pasukan Bola Sepak Kementerian Pembangunan yang menentang Pasukan Bola Sepak Kementerian Pertahanan, minggu depan.

JPM lebih awal memperoleh jaringan sekalipun terpaksa menunggu sentuhan Abdul Afiq Roslan pada minit ke-9, namun KHEU bijak menyamakan kedudukan pada minit ke-29 menerusi sentuhan menarik Mohammad Asri Haji Aspar untuk kedudukan 1-1.

Kemudian, Abd. Azim Abdul Rasid bijak merampas bola dari kealpaan pertahanan KHEU dan melakukan penyudahan yang menarik pada minit ke-39.

Pasukan KHEU terpaksa menyalahkan diri sendiri apabila mereka mempamerkan pertahanan longgar yang berjaya dirampas Nur Yamin Haji Muhammad untuk menambah jaringan bagi JPM.

Babak kedua menyaksikan kebangkitan KHEU yang lebih banyak menguasai perlawanan sehingga berjaya merapatkan jurang jaringan menerusi Mohammad Asri Haji Aspar pada minit ke-49.

Sekalipun kerap diasak barisan depan KHEU namun kubu pertahanan JPM terlalu kebal untuk ditembusi sehingga menyaksikan perlawanan berpihak kepada JPM dengan jaringan 3-2.

Sementara itu, perlawanan pusingan suku akhir kedua akan menyaksikan pertemuan Pasukan Kementerian Pembangunan yang akan menguji Pasukan Kementerian Pertahanan di Padang dan Belapan, Berakas pada Isnin ini.




# KEJOHANAN BADMINTON PIALA MENTERI KESIHATAN TUTUP TIRAI

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Ogos. - Kementerian Kesihatan menganjurkan Kejohanan Badminton Peringkat Akhir antara jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, pagi tadi.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyaksikan Kejohanan Badminton Peringkat Akhir berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Terdahulu, kejohanan badminton ini telah bermula pada 22 Ogos baru-baru ini yang telah berlangsung di Dewan Riadah tersebut. Sebanyak 15 pasukan telah menyertai pertandingan kejohanan badminton ini yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan dari keempat-empat daerah.

Oleh itu, pada Majlis Penutup Kejohanan Badminton ini telah menyaksikan perlawanan di antara Jabatan Perkhidmatan Makmal 'A' dan Jerudong Park Medical Centre (JPMC).

Pada majlis ini juga turut dimeriahkan dengan Perlawanan Exhibition di antara Pasukan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dengan Pasukan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan).

Majlis diteruskan dengan sesi penyampaian hadiah kepada tiga pasukan teratas di kejohanan ini yang disempurnakan oleh Menteri Kesihatan. Juara bagi Kejohanan Badminton Piala Menteri Kesihatan bagi Tahun 2025 dirangkul oleh Jabatan Perkhidmatan Makmal 'A' dan naib juara pula disandang oleh JPMC. Manakala tempat ketiga diduduki oleh Hospital Suri Seri Begawan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Awang Rudy bin Haji Harun; ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi bergambar ramai bersama juara bagi Kejohanan Badminton Piala Menteri Kesihatan bagi Tahun 2025.**

# Sukan Ria Mukim-mukim Senegara ceriakan hujung minggu Permata Hijau

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

**TEMBURONG**, Ahad, 31 Ogos. - Sukan Mukim-mukim Senegara anjuran Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Daerah Temburong telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan meriah sekali gus menceriakan lagi suasana terutama pada hujung minggu untuk meluangkan waktu bersama keluarga dan sebagainya.

Acara Sukan Ria yang diadakan tersebut yang boleh dikatakan sukan rakyat itu mengetengahkan beberapa acara sukan seperti Sugang, Tarik Upih, Selipar Panjang dan pelbagai acara lain lagi.

Sehubungan itu, perasmian Sukan Mukim-mukim Senegara yang berlangsung di Kompleks Sukan Batu Apoi, di sini, disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Pada acara sukan kali ini, Penghulu Mukim Ketua Kampung (PMKK) Daerah Temburong berada di kedudukan pertama dengan mengutip 60 mata diikuti 56 mata daripada PMKK Daerah Brunei dan Muara. Sementara PMKK Tutong dan Belait, masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat.

Selain itu, acara khas iaitu Perlawanan Tarik Kalat Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung serta jemputan khas juga diadakan dengan menyaksikan PMKK Daerah Temburong sebagai juara, PMKK Daerah Brunei dan Muara naib juara serta PMKK Daerah Tutong di tangga ketiga dan PMKK Daerah Belait menduduki tempat keempat.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau semasa ditemui berkata bahawa Sukan Ria yang mengetengahkan acara sukan rakyat ini adalah bersempena memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Kata Yang Berhormat lagi, salah satu acara sukan yang dipertandingkan ialah sukan Sugang di mana kebanyakan masyarakat kita tidak tahu akan sukan berkenaan dan dengan adanya acara Sukan Ria ini sekali gus memperkenalkan lagi sukan tersebut. Selain itu, acara ini juga turut dimeriahkan dengan penglibatan daripada peserta-peserta dari daerah-daerah yang lain.

Sejurus perasmian, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga berpeluang menyaksikan petak-petak jualan di kawasan kompleks sukan berkenaan.

Terdahulu sebelum itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengetuai kayuhan berbasikal bersama lebih kurang 80 pekayuh dari BIBD Connects, Labu Square menjalani sepanjang 9 kilometer menuju ke Kompleks Sukan Batu Apoi.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir menyertai aktiviti Sukan Ria yang diadakan di Kompleks Sukan Batu Apoi.**



**ANTARA yang hadir menyertai acara berkenaan.**

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

RASULULLAH MERUPAKAN TELADAN AGUNG DALAM MEMBINA KELUARGA SAKINAH MAWADDAH WARAHMAH